

Answers for Analisis Bertopik 2025 will be updated soon!

Please check back later for the updated answers.

JAWAPAN

PENDIDIKAN ISLAM

BIDANG AL-QURAN

Pelajaran 1

SURAH AT-TAUBAH : 128-129

PRAKTIS DSKP

A **لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ**
 B 1 2 2 1 3 4 4 3

PRAKTIS SPM

- 1 (i) مد واجب متصل
 (ii) اظهار حلقى
 (iii) اظهار شفوى
 (iv) مد عارض للسكون
- 2 i. Yang sangat mengambil berat kesusahan yang ditanggung kamu
 ii. Yang sangat menginginkan kebaikan bagimu
 iii. Yang melimpahkan perasaan belas dan kasih sayang kepada orang beriman
- 3 • Penentangan penduduk Taif terhadap Rasulullah SAW – baginda menolak tawaran Jibril untuk memusnahkan kampung tersebut, sebaliknya baginda berdoa agar mereka diberikan hidayah oleh Allah
 • Menjelang kewafatan, baginda masih lagi berulang kali menyebut tentang umat baginda.
- 4 Cukuplah bagiku Allah, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, kepada-Nya aku berserah
- 5 • Hidayah dan petunjuk dari Allah
 • Syurga Allah di akhirat kelak buat umatnya
 • Keampunan dan bantuan dari Allah SWT
- 6 Konsep tawakkal sebenar mampu membuahkan kejayaan. Ini adalah kerana tawakkal mengajar mukmin untuk menyandarkan hati kepada Allah SWT untuk memperoleh kejayaan dan menghilangkan segala kemudaratan dalam urusan dunia dan akhirat. Konsep tawakkal yang benar adalah perlu disertakan dengan usaha keras yang bersungguh-sungguh. Tawakkal sebenarnya melakukan pelbagai usaha yang membawa hasil dicita-citakan dan sudah pasti membuahkan kejayaan. Kesimpulannya, setiap urusan dunia dan akhirat hendaklah kita berusaha terlebih dahulu sebelum menyerahkan diri dan segalanya kepada Allah.
- 7 Ahmad mengamalkan konsep tawakkal yang salah. Jelas di sini, Ahmad tidak berusaha mencari rezeki Allah dengan cara yang betul, sebaliknya dia mengambil jalan mudah dengan meminta sedekah. Sikap Ahmad yang hanya berserah tanpa berusaha terlebih dahulu boleh memburukkan imej Islam, kerana masyarakat akan beranggapan Islam hanya mengambil berat soal ibadah di masjid sahaja. Kesimpulannya, Ahmad perlu berusaha mengubah taraf ekonomi keluarganya dengan berusaha keras

mencari rezeki Allah di samping terus berdoa dan beramal soleh sebagaimana dituntut oleh Allah.

- 8 • Sentiasa berselawat ke atas Baginda
 • Mengamalkan dan menghidupkan sunnah Baginda
 • Melaksanakan segala ajaran Baginda
 • Menegakkan syiar Islam di muka bumi.
- 9 Konsep tawakkal kepada Allah dengan menganggap lebih takutkan Allah daripada virus adalah bertentangan dengan konsep tawakkal yang dianjurkan Islam kepada umatnya. Konsep tawakkal sebenar adalah bermula dengan berusaha kearah mencapai sesuatu yang lebih baik. Langkah pencegahan yang diwajibkan kerajaan adalah merupakan usaha-usaha yang wajib disokong rakyat bagi menghadapi ujian virus ini, kemudian bertawakkal yang disertai doa kepada Allah agar dihilangkan virus di negara kita.

I-THINK

- Allah mengutuskan rasul daripada kalangan manusia
- Rasulullah SAW sangat menginginkan kebaikan di dunia dan di akhirat buat umatnya
- Allah SWT sangat mengasihi hamba-Nya
- Umat Islam perlu bertawakkal sepenuhnya kepada Allah SWT

Pelajaran 2

SURAH AL-HASYR : 21-24

PRAKTIS DSKP

- A
1. Sekiranya kami turunkan al-Quran ini ke atas sebuah gunung
 2. Nescaya engkau lihat gunung itu tunduk serta pecah belah kerana takut kepada Allah SWT
 3. Dan contoh perbandingan ini kami kemukakan kepada manusia
 4. Supaya mereka memikirkannya
- B
1. Al-Quran merupakan mukjizat teragung yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW.
 2. Seluruh makhluk bertasbih kepada Allah SWT sebagai tanda pengabdian kepada pencipta-Nya tanpa mempersekutukan-Nya.
 3. Allah SWT memiliki segala kesempurnaan dan keagungan sebagai pencipta alam.

PRAKTIS SPM

- 1 (i) Ar-Rahman (Maha Pemurah)
 (ii) Ar-Rahim (Maha Pengasih)
 (iii) Al-Malik (Maha Penguasa)
 (iv) Al-Quddus (Maha Suci)
- 2 Persamaan antara bukit dan orang ingkar : Bukit kuat dan keras, sukar untuk dihancurkan. Tetapi apabila diturunkan

al-Quran, nescaya ia akan hancur dan berkecai. Manakala orang yang ingkar juga mempunyai hati yang keras dan susah untuk menerima kebenaran serta bersikap kasar malah tetap sombong dan angkuh biarpun dibacakan ayat-ayat al-Quran.

- 3 • Menyedarkan hati yang lalai ketika membaca al-Quran
- Menyedari kepentingan memahami kandungan ayat-ayat al-Quran
- Menimbulkan rasa gerun dan takut kepada Allah apabila membaca ayat-ayat al-Quran
- 4 Susunan ayat yang betul :

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ
هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ
الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ

- 5 • Allah yang menciptakan manusia dan segala alam ini
- Bagi menjamin kehidupan yang sempurna
- Menjauhkan kemusnahan di dunia dan di akhirat
- 6 (i) Al-Malik (Maha Penguasa)
- (ii) Al-Quddus (Maha Suci)
- (iii) As-Salam (Maha Sejahtera)
- (iv) Al-Jabbar (Maha Perkasa)
- (v) Al-Mutakabbir (Maha Agung)
- 7 • Matahari dan bulan beredar tetap pada paksi-Nya
- Tumbuh-tumbuhan bertasbih memuji Allah
- Binatang mengikut segala ketentuan dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah
- 8 • Allah SWT memerintahkan kita supaya mengambil iktibar daripada peringatan-peringatan-Nya yang terdapat dalam al-Quran
- Gunung ganang yang kuat dan kukuh akan runtuh sekiranya diturunkan al-Quran keatasnya kerana keagungan al-Quran
- Haiwan dan tumbuhan sentiasa tunduk dan bertasbih kepada Allah SWT.
- Allah SWT Maha Mengetahui perkara-perkara ghaib
- Allah SWT memiliki nama yang agung lagi suci supaya manusia mengambil iktibar daripada nama-nama tersebut.
- 9 Cara menghormati al-Quran:
 - Istiqamah dalam membaca al-Quran
 - Memahami dan mengamalkan kandungan al-Quran dalam kehidupan seharian
 - Sentiasa mempelajari dan mendalami isi kandungan al-Quran
 - Membaca al-Quran dengan bertajwid dan bertaranum

I-THINK

Gunung-ganang:

- Hancur berkecai bila dibacakan al-Quran
- Takut Kepada Allah
- Tunduk dan patuh kepada Allah

Hati orang lalai:

- Tetap tidak tersentuh bila dibacakan al-Quran
- Tidak Takut kepada Allah
- Sombong untuk tunduk dan patuh kepada Allah

Pelajaran 3

HUKUM TAJWID

PRAKTIS DSKP

- A 1. Tafkhim
2. Tarkik
3. Tarkik
4. Tafkhim

- B 1. Sambung lebih utama
2. Harus berhenti pada salah satu tempat
3. Berhenti lebih utama
4. Harus berhenti atau bersambung
- C 1. Ibtida hasan
2. Ibtida qabih

PRAKTIS SPM

- 1 Bahasa : Menebalkan.
Istilah : Menebalkan sebutan sesuatu huruf dengan memenuhi udara dalam mulut ketika menyebutnya sekaligus memberatkan pautan makhras serta kuat pada sifat.
- 2 (i) Ra'berbaris fathah (atas) بِرَبِّكُمْ
(ii) Ra' berbaris dhommah (depan) رُزِقُوا
- 3 (i) sebelum huruf Ra' berbaris fathah وَمَنْ كَفَرَ
(ii) sebelum huruf Ra' berbaris dhommah يَشْكُرُ
(iii) sebelum huruf Ra' terdapat huruf yang sukun yang didahului oleh fathah إِذَا جَاءَ نَصْرُ
(iv) sebelum huruf Ra' terdapat huruf yang sukun yang didahului oleh dhommah أَلَيْسَ
- 4 Bahasa : menipiskan.
Istilah : menipiskan sebutan sesuatu huruf dengan membuka ruang antara lidah dan langit-langit ketika menyebutnya sekaligus meringankan pautan makhras serta lemah pada sifatnya.
- 5 Huruf Ra' yang berbaris dibaca dengan bacaan Tarqiq: Ra' yang berbaris dibaca dengan bacaan Tarqiq ketika Ra' berbaris bawah رَجَالٍ
- 6 (i) sebelumnya terdapat huruf berbaris bawah مُنْشَرِّ
(ii) sebelumnya terdapat huruf yang sukun dan sebelumnya berbaris kasrah أَلَيْسَ
(iii) sebelumnya terdapat huruf Madd Ya' وَالْحَمِيرُ
- 7 (i) ketika Ra' bertanda sukun di tengah kalimah sebelumnya terdapat huruf berbaris di bawah dan selepas Ra' terdapat huruf Isti'la (tebal) yang berbaris di bawah contoh كُلُّ فَرْقٍ
(ii) ketika Ra' di akhir kalimah dan dibaca sukun kerana berhenti padanya dan sebelumnya terdapat huruf Isti'la bertanda sukun dan sebelum huruf Isti'la bertanda sukun terdapat huruf yang berbaris di bawah. Contoh عَيْنَ الْفِطْرِ
- 8 Keadaan : Ra' sukun mendatang dengan sebab waqaf (berhenti) padanya sebelumnya terdapat huruf Madd Ya' وَالْحَمِيرُ
Hukum : Tarqiq
- 9 Keadaan : ketika Ra' bertanda sukun di tengah kalimah sebelumnya terdapat huruf berbaris di bawah dan selepas Ra' terdapat huruf Isti'la (tebal) yang berbaris di bawah
Hukum : Tarqiq dan Tafkhim
- 10 (i) Tafkhim
(ii) Tarqiq
(iii) Tafkhim
- 11 Bahasa : Berhenti.
Istilah : Menghentikan bacaan dengan cara memutuskan suara diakhir perkataan sekejap untuk bernafas dengan niat akan menyambungkan bacaan semula.
- 12 (i) Wasal lebih utama
(ii) Waqaf lebih utama

- 13 Ibtida' qabih (permulaan tidak baik) : Memulakan bacaan dari rangkaikata yang tidak sempurna maknanya seperti merosak atau menimbulkan keraguan terhadap maksud ayat kerana makna dan lafaznya masih terikat dengan rangkaiata sebelumnya.

I-THINK

- 1 Waqaf Tam
- 2 Waqaf Kafi
- 3 Waqaf Hasan
- 4 Waqaf Qabih

SOALAN SEBENAR SPM

- 1 (i) Ra nipis (Tarqiq)
- (ii) Ra tebal (Tafkhim)

2

Hukum	Cara bacaan
Ra' Tafkhim السَّخْرُ	Menebalkan bunyi sebutan Ra'
Ra Tarqiq الشَّرِّكَ	Menipiskan bunyi sebutan Ra'

Pelajaran 4

CIRI-CIRI MUKMIN BERJAYA

PRAKTIS DSKP

- A**
1. Beriman kepada Allah SWT
 2. Khusyuk dalam solat
 3. Menjauhi perbuatan yang sia-sia
 4. Membayar zakat
 5. Menjaga kehormatan diri
 6. Menunaikan janji dan amanah
 7. Memelihara solat
- B**
1. Menunaikan solat pada waktunya dengan menyempurnakan rukun-rukun dan syarat-syaratnya
 2. Menumpukan sepenuh hati dan perhatian dengan cara memahami bacaan dalam solat, menetapkan anggota dan perbuatan ketika solat
- C**
1. Mendapat dosa kerana memungkirkan janji dan tidak melaksanakan amanah merupakan sifat orang munafik
 2. Dibenci oleh masyarakat dan tidak mendapat kepercayaan orang sekeliling kerana sering berdusta
 3. Hidup tiada kemajuan dan tiada ketenangan dengan kesalahan dan dosa yang dilakukan.
- *mana-mana jawapan yang sesuai

PRAKTIS SPM

- 1 • Membuang masa dengan sia-sia dipusat membeli belah atau pusat hiburan
 - Melakukan sesuatu perbuatan yang boleh membahayakan diri dan fikiran seperti penyalahgunaan dadah, pil khayal dan hidu gam
 - Berbual kosong di sesuatu tempat
- 2 • Menyebabkan seseorang itu lalai daripada menunaikan tanggungjawab kepada Allah
 - Umat Islam akan mundur dalam semua bidang seperti pelajaran, ekonomi dan lain-lain
 - Melahirkan masyarakat yang bersikap negatif dalam kehidupan seperti malas dan tidak bertanggungjawab.
- 3 • Menyertai mana-mana perkhemahan yang dianjurkan oleh pihak tertentu untuk menyedarkan tanggungjawab terhadap diri, agama, masyarakat dan negara

- Menyertai badan-badan dakwah untuk mengembangkan kefahaman ajaran Islam kepada orang ramai
 - Menghadiri majlis ilmu yang diadakan di surau, masjid dll
- 4 • Memelihara nafsu agar tidak terlibat dengan zina.
 - Berpakaian sopan agar tidak dipandang hina
 - Menjaga batas pergaulan agar tidak berlaku sumbang mahram
 - 5 (i) • Mengerjakan segala perintah-Nya
 - Meninggalkan segala perbuatan yang dilarang
 - Sentiasa mengagungkan kebesaran dan kekuasaan Allah
 (ii) • Melaksanakan segala tugas yang diamanahkan dengan sempurna
 - Mengamalkan akhlak yang mulia terhadap manusia
 (iii) • Memelihara dan memulihara alam sekitar
 - Tidak melakukan sebarang kerosakan terhadap alam sekitar
 - 6 • mengerjakan solat apabila masuk waktu
 - tidak melengah-lengahkan mengerjakan solat
 - menjaga segala syarat sah solat dan rukunnya
 - bersungguh-sungguh mengerjakan solat
 - tidak mengabaikan solat lima waktu
 - 7 Faktor umat Islam masih lagi ketinggalan dari sudut ekonomi adalah kesan tidak menjaga hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia. Seorang mukmin yang mematuhi perintah Allah pasti akan berjaya dalam urusan dunia dan akhirat. Ini adalah kerana kesan dari solat yang khusyuk akan melahirkan seorang mukmin yang berdisiplin dan amanah dalam menjalankan tanggungjawab.. Solatnya juga akan mencegah seorang mukmin dari melakukan perkara yang keji dan mungkar serta sia-sia. Ini sudah pasti akan menjamin kejayaan seorang mukmin dalam hidup.
 - 8 • Mengerjakan solat apabila masuk waktu
 - Tidak melengah-lengahkan mengerjakan solat

SOALAN SEBENAR SPM

- 1 (i) - Khusyuk dalam solat
 - Menjauhi perkara yang sia-sia
 - Menunaikan zakat
 - Beriman kepada Allah SWT
 (ii) - Dua sebab Islam menyuruh menjaga kehormatan diri :
 - Terhindar daripada maksiat dan zina
 - Umat Islam akan dipandang mulia oleh umat-umat yang lain.
 - Mengelakkan diri dari penyakit sosial
 Mana-mana yang jawapan sesuai dan munasabah diterima
 (iii) - Dua pengajaran daripada ayat :
 - Kita hendaklah menunaikan solat dengan khusyuk / agar menjadi hamba yang bertakwa.
 - Kita hendaklah menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia / agar dapat meningkatkan kualiti kerja.
 - Kita hendaklah berusaha untuk menunaikan zakat / agar dapat membantu perkembangan ekonomi umat Islam.
 - Kita hendaklah sentiasa memelihara solat / untuk melahirkan individu yang berdisiplin.
 - Kita hendaklah menjaga amanah dan janji / agar integriti muslim terpelihara.

PRAKTIS DSKP

- A**
1. Memastikan manusia bertindak dengan terkawal dan sistematik.
 2. Untuk menghasilkan kualiti kerja yang terbaik dan efektif.
 3. Supaya dapat mengamalkan semua tuntutan Islam mengikut susunan dan keutamaan.
 4. Mewujudkan kesejahteraan sosial dan melestarikan pengurusan hidup.
- B**
1. Kita hendaklah sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah SWT kerana ianya kunci penerimaan segala ibadah.
 2. Kita hendaklah berazam untuk berjihad dengan tenaga dan harta supaya kita mendapat ganjaran yang besar disisi Allah SWT.
 3. Kita hendaklah sentiasa berhijrah kearah yang lebih baik supaya menjadi muslim yang produktif.
 4. Kita hendaklah sentiasa berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan.

PRAKTIS SPM

1. Adakah kamu sifatkan hanya perbuatan memberi minum kepada orang-orang yang mengerjakan Haji dan (hanya perbuatan) memakmurkan Masjidil haram itu sama seperti orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta berjihad pada jalan Allah? Mereka (yang bersifat demikian) tidak sama di sisi Allah dan Allah tidak memberikan hidayat petunjuk kepada kaum yang zalim.
2. Muslim, Ibnu Hibban dan Abu Daud meriwayatkan dari an-Nu'man bin Basyir katanya, "waktu itu aku sedang berada dekat dengan mimbar Rasulullah bersama sejumlah sahabat beliau. Tiba-tiba salah seorang di antara mereka berkata 'Aku tidak peduli kalau aku masuk Islam aku tidak beramal untuk Allah selain memberi minum orang yang menunaikan haji. 'Sementara seseorang yang lain berkata 'Bukan, tapi mengurus Masjidil Haram!'. Lalu yang ketiga berkata, 'bukan tapi jihad di jalan Allah!'" Hari ini hari Jumaat. Setelah aku solat Jumaat aku mengadap Rasulullah dan bertanya mengenai perbezaan pendapat mereka. Maka Allah menurunkan firman-Nya.
3. Bahasa : Fiqh - Kefahaman/memahami
Aulawiyat - Lebih penting/lebih utama
Istilah : Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak.
4. Pada pendapat saya ilmu perlu diberi keutamaan berbanding amal. Ini adalah kerana ilmu merupakan petunjuk dan pemberi arah kepada amal yang akan dilakukan. Ilmu memandu niat di dalam amal bagi membolehkan amal dilakukan dengan sempurna.
5. Pada pendapat saya, Haji Salleh dan isteri tidak perlu untuk melakukan ibadah haji dan umrah berulang kali kerana sudah memadai melakukannya sekali sahaja seumur hidup. Haji salleh perlu lebih mengutamakan memberi sedekah dan membantu golongan yang lebih memerlukan.

I-THINK

- Maksud: Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak
- Bidang pelaksanaan : Ilmu dan fikiran, amalan, tuntutan syarak
- Kepentingan : Memastikan tindakan manusia terkawal dan sistematik

SOALAN SEBENAR SPM

- 1 (i) Maksud Fiqh al-Aulawiyat : Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak.
- (ii) Dua prinsip asas dalam Fiqh al-Aulawiyat :
- Ada dalil
- Utamakan perkara yang diutamakan syarak.
- (iii) Dua kepentingan Fiqh al-Aulawiyat terhadap masyarakat :
- Tindakan terkawal.
- Hasil kerja berkualiti.

PRAKTIS DSKP

- A**
1. Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan.
 2. Sesungguhnya orang paling mulia disisi Allah SWT dalam kalangan kamu ialah orang yang paling bertakwa.
- B** Sebab turun ayat : Ketika Rasulullah SAW meminta Saidina Bilal bin Rabah RA melaungkan azan, terdapat sahabat yang telah memandang rendah terhadap Saidina Bilal. Setelah malaikat Jibril AS memberitahu Rasulullah SAW perbuatan para sahabat tersebut, Baginda memanggil mereka dan bertanya tentang perbuatan itu. Lalu turun ayat ini
- C**
1. Tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa.
 2. Keutamaan taqwa.
- D**
1. Kita hendaklah saling bekerjasama untuk membina kehidupan yang harmoni.
 2. Kita hendaklah menghormati kepelbagaian budaya supaya wujud persefahaman dalam kalangan masyarakat
 3. Kita hendaklah berusaha untuk memperbaiki akhlak supaya menjadi insan bertakwa.

PRAKTIS SPM

- 1 • Mewujudkan semangat kerjasama antara masyarakat dan kaum berbilang bangsa, agama dan keturunan.
• Untuk merealisasikan pengabdian diri kepada Allah dengan mematuhi suruhan-Nya supaya bertaaruf.
• Supaya manusia mengenali keturunan masing-masing. Dengan itu, lebih mengeratkan hubungan silaturrahim dan persahabatan.
- 2 (i) Mereka yang paling banyak ketaatannya kepada Allah dan meninggalkan maksiat.
(ii) • Mempunyai keimanan yang teguh dan sanggup berjihad pada jalan Allah
• Menjauhi diri daripada perkara khurafat haram, syirik dan bid'ah
• Tidak sombong dengan keturunan, pangkat, harta dan rupa paras yang cantik
• Menjauhi diri daripada tempat-tempat maksiat
• Tidak suka membazirkan masa dengan perkara yang tidak berfaedah
- 3 • Saling menziarahi ketika hari perayaan
• Tidak menyentuh isu sensitiviti kaum dan bangsa
• Saling memberikan hadiah ketika peristiwa
- 4 Takwa adalah penting dalam usaha merealisasikan konsep kehambaan terhadap Allah SWT. Kepatuhan kita kepada Tuhan yang menguasai segalanya adalah penting, oleh itu kita diwajibkan patuh kepada-Nya. Selain itu, ia adalah penting untuk meneguhkan pegangan manusia dengan mentauhidkan

Allah. Pegangan kita dalam usaha mentauhidkan Allah adalah agama Islam, jadi kita perlulah mengamalkan secara menyeluruh apa yang telah diperintahkan kepada kita. Takwa penting bagi mengelakkan kita dari terjebak dalam perkara yang berkaitan kejahatan dan maksiat. Sebab lain pula adalah untuk menyedarkan manusia supaya tidak menyalahgunakan nikmat Allah. Nikmat yang telah dikurniakan perlulah digunakan ke jalan kebaikan bukannya ke jalan kejahatan. Oleh itu, takwa penting dalam mendidik diri kita supaya sentiasa mensyukuri segala nikmat yang telah dibagi oleh-Nya. Ketakwaan juga dapat mengajar manusia membezakan antara perkara yang baik dengan perkara buruk.

- 5 • Memperbaiki solat
- Tadabbur al-Quran
- Bergaul dengan orang soleh
- Menghadiri majlis-majlis ilmu
- 6 Taaruf : berkenal-kenalan antara satu sama lain. Manusia yang tidak menghayati konsep taaruf umpama haiwan liar yang sentiasa bermusuhan dan tidak mengenal erti perkenalan dan persahabatan. Dalam Islam, Taaruf adalah Ibadat. Orang yang mengamalkan taaruf dilihat sebagai mematuhi syarak. Islam menggalakkan umatnya bertaaruf dengan pelbagai golongan; bidang ekonomi, pendidikan, politik dan kebudayaan.
- 7 Bermegah dengan keturunan adalah ciri-ciri yang dibenci oleh Allah SWT. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri [an-Nisa' : 36]. Bermegah dengan keturunan adalah ciri-ciri fahaman masyarakat Jahiliyyah yang bertentangan dengan ajaran Islam. Keturunan tidak menjamin kelebihan seseorang disisi Allah SWT, melainkan ketakwaannya sahaja.
- 8 Kegagalan menghayati konsep taaruf sebagaimana yang disarankan oleh Islam. Sikap sombong dan takbur sebahagian manusia yang berbangga dengan keturunan dan kekuatan bangsa mereka terhadap bangsa yang lain. Penindasan dan kezaliman yg dilakukan oleh golongan yang kuat terhadap yang lemah menimbulkan rasa marah, benci dan dendam dalam kalangan mereka. Pembahagian harta atau ekonomi yang tidak adil menimbulkan rasa tidak berpuas hati.
- 9 Sebagaimana yang Allah SWT firmankan ini, demikianlah hakikat nilai setiap manusia disisi Allah, bukanlah Allah menilai manusia menerusi bangsa, keturunan, warna kulit, jenis bahasa, dan lain-lain lagi sifat kejadian yang Allah kurniakan, sebaliknya manusia dinilai-Nya dengan kadar ketakwaan masing-masing. Kerana agama dan budi timbul dari sebab takwa kepada Allah, maka takwa itulah yang meninggikan martabat manusia. Mendidik umat agar tidak berbangga-bangga dengan keturunannya
- 10 Malaysia sebuah Negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa, etnik dan kaum. Malaysia telah membuktikan bahawa perbezaan etnik, kaum, budaya dan warna kulit tidak menghalang mereka daripada bertaaruf dan bekerjasama memajukan keluarga, masyarakat dan negara Malaysia

I-THINK

Tuntutan saling mengenali dan taaruf

- Menjalin perpaduan dan hubungan harmomi.
- Mengiktiraf kemuliaan dan harga diri manusia tanpa mengira rupa paras dan etnik
- Menjalin hubungan dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam

- Menggalakkan interaksi dan kerjasama yang akan melengkapi antara satu sama lain.

SOALAN SEBENAR SPM

- 1 (i) Maksud perkataan bergaris
 - (1) Manusia
 - (2) Orang yang paling bertakwa
- (ii) Tujuan tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa
 - Mengerat hubungan agar perpaduan dapat dicapai
 - Dapat menjalin hubungan baik dengan orang bukan Islam agar mereka tidak bermusuhan dengan orang Islam.
 - Membuka ruang untuk berinteraksi sesama umat manusia dalam keadaan yang harmoni.
- (iii) Impak kepada negara jika peribahasa tersebut diaplikasikan oleh setiap lapisan masyarakat
Cadangan isi :
 - Rakyat hidup harmoni tanpa kacau-bilau.
 - Persefahaman antara kaum dapat dipupuk erat.
 - Menyemai sifat tolong-menolong ketika keadaan yang memerlukan.
 Contoh jawapan :
 - Rakyat akan hidup harmoni tanpa kacau-bilau (isi : 1 markah). Hal ini kerana semua akan bertoleransi dan membantu antara satu sama lain (huraian ringkas : 1 markah). Kesannya, unsur kebencian dapat dikikis (huraian lanjut : 1 markah). Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menyemai semangat bantu-membantu supaya dapat membantu mereka yang memerlukan (ayat Kesimpulan : 1 markah)

BIDANG HADIS

Pelajaran 7

SETIAP ORANG IALAH PEMIMPIN

PRAKTIS DSKP

- A 1. Pemimpin.
2. Suami.
3. Isteri
4. Pekerja
5. Anak
- B 1. Berbakti kepada ibu bapa sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia
2. Sentiasa mendoakan ibu bapa
3. Membantu ibu bapa dengan sebaiknya
4. Berbuat baik kepada ibu bapa dan menyambung silaturrahim dengan rakan-rakan mereka
- C 1. Mengesakan Allah
2. Berbuat baik kepada kedua-dua ibu dan bapa
3. Sentiasa bersyukur kepada Allah dan menghargai ibu dan bapa
4. Mendirikan solat
5. Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar
- D 1. Menjaga maruah
2. Mentaati suami dan menunaikan haknya
3. Mengurus rumah tangga
4. Menjaga dan mendidik anak

PRAKTIS SPM

- 1 Setiap orang dari kalangan kita adalah pemimpin yang mempunyai amanah dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan.
- 2
 - Menjaga kebajikan rakyat.
 - Memelihara perpaduan dan keamanan negara.
 - menguat kuasakan undang-undang.
 - Memimpin rakyat ke jalan yang diredhai Allah.
- 3
 - Menunjukkan kesempurnaan iman seseorang.
 - Akan dihormati oleh masyarakat dan segala urusannya boleh dipercayai.
 - Menjadi masyarakat harmonis dan saling percaya mempercayai.
 - Menjadi seorang yang lebih produktif dalam kerjayanya kerana menganggap tugas yang diberikan kepadanya sebagai amanah.
 - Boleh menyumbang kepada kemajuan negara.
- 4
 - Menunjukkan orang yang tidak sempurna imannya.
 - Tidak dihormati dan dipercayai oleh masyarakat.
 - Punca kepada rasuah, penyelewengan kuasa, penindasan dan sebagainya.
 - Menjadi seorang yang pemalas, tidak produktif dan sentiasa mengelak daripada tugas
- 5
 - Sentiasa bermuhasabah diri.
 - Menanam nilai-nilai murni dalam kepimpinan.
 - Mengutamakan disiplin dalam tugas
 - Mengingati balasan-balasan yang dijanjikan oleh Allah.
 - Menyedari kelebihan atau kedudukan yang dimiliki merupakan amanah bukannya suatu kemegahan.
- 6 Isu perbalahan suami isteri yang berlanjutan adalah kesan tidak menunaikan amanah dengan baik. Seorang suami dan isteri hendaklah mengetahui tanggungjawab masing-masing dalam rumahtangga. Seorang suami bertanggungjawab memimpin keluarga dengan mewujudkan kebahagiaan dalam keluarga dan suasana yang harmonis, bertimbang rasa dan pandai bermesra dengan isteri, menyuburkan perasaan kasih sayang kepada isteri dan saling bertolak ansur dan hormat menghormati antara suami dan isteri. Manakala isteri hendaklah mentaati perintah suaminya selagi perintah tersebut tidak bertentangan dengan hukum Allah, menegur dan membetulkan kesalahan suami di dalam dan di luar rumah serta mengurus rumahtangga dan harta benda suami terutama ketika ketiadaannya. Dengan menjalankan tanggungjawab masing-masing, sudah pasti pergaduhan dan penceraian dapat dielakkan.

I-THINK

Tanggungjawab sebagai bapa :

- Memberi bimbingan agama kepada anak-anak.
- Menyediakan keperluan rohani dan jasmani yang sewajarnya kepada anak-anak.
- Memberi galakkan dan dorongan untuk kejayaan anak-anak.
- Mengajar dan menunjukkan akhlak yang baik dengan anak-anak.

Tanggungjawab sebagai suami :

- Mewujudkan kebahagiaan dalam keluarga dan suasana yang harmonis.
- Bertimbang rasa dan pandai bermesra dengan isteri.
- Menyuburkan perasaan kasih sayang kepada isteri.
- Saling bertolak ansur dan hormat menghormati antara suami dan isteri.

Tanggungjawab utama seorang pekerja :

- Melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap dan jujur.
- Amanah dan bertanggungjawab dengan tugas.
- Mengutamakan tugas.
- Mematuhi peraturan dan perintah majikan.

Pelajaran 8

TUJUH GOLONGAN YANG MENDAPAT NAUNGAN ALLAH

PRAKTIS DSKP

- A 1. Tujuh golongan manusia yang mendapat naungan Allah SWT
2. Pada hari yang tidak ada naungan kecuali naungan-Nya
 3. Pemimpin yang adil
- B 1. Seseorang yang hatinya sentiasa berasa seronok memakmurkan masjid dengan aktiviti ibadah dan kebajikan
2. Dua orang yang bersahabat berasaskan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.
 3. Sesuatu pemberian yang bertujuan mendekatkan diri kepada Allah semata-mata tanpa mengharapkan pujian manusia.
- C 1. Melaksanakan tuntutan solat lima waktu, berpuasa dengan sempurna, melazimi qiamullail, membaca al-Quran dan berzikir.
2. Menjauhi perbuatan yang mendatangkan dosa dan maksiat, menghindari pergaulan bebas tanpa batasan
- D 1. Menunaikan solat fardu secara berjemaah dimasjid
2. Menggiatkan lagi majlis ilmu dengan kepelbagaian isu dan topik
 3. Mengadakan program yang mensasarkan golongan muda dan remaja
- E 1. $\text{أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ}$
2. $\text{سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ}$
 3. $\text{لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ}$

PRAKTIS SPM

- 1 Naungan Allah iaitu naungan dari 'arasy Tuhannya, ditafsirkan sebagai kinayah iaitu dalam lindungan Allah dan ditempatkan di tempat yang dimuliakan.
- 2 Masjid dan surau merupakan tempat yang perlu dimuliakan, dihormati dan dijaga sebaiknya oleh umat Islam. Allah SWT bersaksi bahawa orang yang memakmurkan rumah-rumah Allah SWT ini merupakan orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari Akhirat serta mendapat petunjuk-Nya. Seseorang yang hatinya terikat dengan masjid akan senantiasa berusaha melazimi solat berjemaah di masjid dan sentiasa merindui untuk datang ke masjid.
- 3
 - Menyelamatkan diri dari azab dan siksaan Allah di akhirat kelak.
 - Selamat dari ujian saat kegetiran di padang masyar .
 - Tiada perlindungan selain perlindungan Allah ketika itu.
 - Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berusaha untuk tergolong dalam 7 golongan yang mendapat naungan Allah.
- 4
 - Zikir dengan penuh kekhusyukan sehingga mengalirkan air mata
 - Berzikir dengan hati dan memahami apa kandungan zikir.
 - Berzikir dengan zikir-zikir mathurat yang diamalkan oleh Rasulullah SAW
- 5 • Kemajuan ummah, keamanan dan kesejahteraan negara boleh dicapai menerusi kepemimpinan adil yang bertunjangkan agama.

- Keadilan ini adalah untuk semua lapisan masyarakat tanpa pengecualian dan merangkumi semua bidang kehidupan.
 - Pemimpin yang adil akan meletakkan sesuatu pada tempatnya.
 - Pemimpin yang adil tidak memimpin sesuka hati sebaliknya perlu mendapatkan nasihat dan pandangan ulama dalam memikul tanggungjawab digalas.
 - Pemimpin yang adil tidak membiarkan kejahatan berlaku begitu sahaja, tanpa sebarang langkah penyelesaian.
- 6 Di antara golongan yang mendapat naungan Allah adalah golongan pemuda yang sentiasa beribadah kepada Allah sejak dari usia mudanya. Adalah lebih baik untuk seorang pemuda seperti Kassim berusaha untuk menjadi pemuda Islam yang baik dengan sentiasa beramal soleh dan melakukan amar makruf dan nahi mungkar. Tanggapan Kasim adalah tidak benar kerana kematian tidak mengenal usia. Kesimpulannya, sebagai pemuda kita hendaklah melazimi diri sentiasa beribadah kepada Allah.
- 7
- Mendapat ganjaran besar dari Allah
 - Disukai dan dikasihani oleh manusia
 - Rezeki berkat dan bertambah
- 8
- Sentiasa menimba ilmu dalam rangka beribadah kepada Allah
 - Menghadiri majlis-majlis ilmu di masjid
 - Menolong rakan-rakan dan guru
- 9
- Saling nasihat menasihati
 - Saling mengajak kearah kebaikan
 - Saling memberikan dorongan, kuat menguatkan antara satu sama lain
- 10
- Memperbanyakkan aktiviti seperti kursus dan majlis-majlis ilmu di masjid
 - Mengadakan kem-kem dan perkhemahan di sekitar masjid
 - Mewujudkan kelab rakan remaja masjid yang bertujuan menunjukkan *role model* pengimarah masjid
- 11
- Menggilap dan menyucikan hati daripada kekotoran sifat tercela.
 - Menyedarkan hati yang lalai.
 - Menghapuskan dorongan hawa nafsu jahat yang menguasai diri sehingga seseorang terdorong melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan suruhan agama.
 - Meneguhkan iman seseorang.

I-THINK

- 1 Pemimpin yang adil
- 2 Pemuda yang membesar dalam ketaatan (ibadah)
- 3 Seorang yang hatinya terikat dengan masjid
- 4 2 orang sahabat yang berkasih sayang kerana Allah
- 5 Seorang yang bersedekah dengan penuh keikhlasan
- 6 Seorang yang menjauhkan diri dari zina kerana takutkan Allah
- 7 Seorang yang berzikir kepada Allah sambil mengalirkan air mata

SOALAN SEBENAR SPM

- 1 (i) Dua golongan tersebut selain pemimpin yang adil :
 - Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT.
 - Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.
 - Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.
 - Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.
 - Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.
 - Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitikkan air mata.

- (ii) Dua pengajaran daripada hadis :
 - Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan kerana sikap tersebut
 - merupakan suruhan Allah.
 - Kita hendaklah memanfaatkan usia muda dengan mendekatkan diri kepada Allah agar usia remaja tidak sia-sia.
 - Kita hendaklah berusaha untuk mengimarahkan dan memakmurkan masjid agar syiar Islam dapat ditegakkan
 - Kita hendaklah saling mengasihi supaya masyarakat hidup aman damai.
 - Kita hendaklah menjauhi perbuatan maksiat agar selamat daripada kemurkaan Allah.
 - Kita hendaklah berusaha memperbanyakkan sedekah kerana amalan tersebut dapat menyucikan harta dan jiwa.
 - Kita hendaklah melazimi zikrullah agar jiwa kita tenang.
- (iii) Hujah untuk membenarkan pernyataan :

Cadangan jawapan :

- Menerima sokongan padu daripada rakyat.
- Memimpin negara dan masyarakat hidup aman dan harmoni.
- Memacu pembangunan negara dan memantapkan ekonomi.

BIDANG AKIDAH

Pelajaran 9

ALLAH SWT MAHA MENGAWASI DAN MAHA MENYAKSIKAN

PRAKTIS DSKP

- A
1. Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT menyaksikan segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada-Nya.
 2. Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk
- B
1. Allah Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya
 2. Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia
- C
1. Allah menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW kepada umat nabi Muhammad SAW.
 2. Allah SWT Maha Menyaksikan dan menghitung segala amalan manusia
 3. Allah SWT sahaja yang menjadi saksi semua perkara yang jelas atau tersembunyi.
 4. Allah menjadi saksi pembunuhan orang munafik

PRAKTIS SPM

- 1 Dalil Naqli ar-Raqib :
 إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا
 Sesungguhnya Allah Maha Mengawasi kamu sekalian (an-Nisa: 1).
 Dalil Naqli as-Syahid:
 إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ
 Sesungguhnya Allah menyaksikan segala sesuatu. (al-Hajj: 17.)
- 2 • Melahirkan insan yang sentiasa berwaspada dengan amalan seharian
 - Meningkatkan ketakwaan di dalam diri
 - Sentiasa berusaha untuk mendapatkan keredaan Allah

- Melaksanakan dan mempertingkatkan ibadah seharian
 - Menjauhkan diri dari melakukan perkara yang dimurkai Allah
- 3 • Tidak mempunyai pegangan akidah yang kuat tentang nama-nama Allah
- Tidak takutkan azab dan siksaan Allah
 - Kurangnya didikan agama
- 4 Asy Syahid berarti yang tidak tersembunyi bagi-Nya sesuatupun. Allah menyaksikan perbuatan baik dan buruk yang dilakukan oleh, hamba-hamba-Nya, mengetahui yang ghaib dan yang nyata. Apabila seseorang mukmin itu beriman dengan nama Allah as-Syahid, pastinya melahirkan seorang insan yang sentiasa melakukan perkara yang diredai Allah dan menjauhi larangan Allah kerana sentiasa merasakan pengawasan dari Allah. Keimanan kepada as-Syahid menjadikan seseorang takut untuk melakukan perkara yang mengundang kemurkaan Allah kerana dia yakin dan percaya bahawa Allah menyaksikan segala tingkahlaku dan gerak hatinya.
- 5 • Menenal Allah dengan mempelajari nama-nama Allah
- Mengetahui kesan keimanan kepada nama-nama Allah ar-Raqib
 - Merasakan pengawasan Allah terhadap segala urusan harian
 - Melaksanakan dan mempertingkat ibadah hanya kepada Allah
- 6 Kes kecurian adalah menunjukkan bahawa si pencuri tidak memiliki keimanan yang tinggi kepada Allah. Seseorang yang benar-benar beriman kepada Allah dan yang mempunyai pegangan akidah yang ampuh tidak akan sesekali melakukan perkara kemungkaran yang ditegah oleh Allah seperti mencuri. Keimanan kepada nama Allah ar-Raqib akan melahirkan seseorang yang sentiasa merasakan pengawasan Allah, dan seterusnya berusaha menjaga diri daripada melakukan perkara yang boleh mendatangkan kemarahan Allah SWT.
- 7 • Allah tidak pernah tidur, tidak pernah lalai dalam mengawasi tingkah laku hamba-Nya
- Allah menjaga dan memelihara alam ini dari kemusnahan
 - Allah mengetahui tingkahlaku dan gerak hati yang terang mahupun tersembunyi

SOALAN SEBENAR SPM

- (1) (i) Maksud al-Raqib :
- Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah Maha Mengawasi semua
 - perbuatan dan keadaan makhluk-Nya.
- (ii) Dua bukti Allah SWT bersifat al-Raqib :
- Allah mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya.
 - Allah mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia.
- (iii) Dua kesan hamba yang beriman dengan nama Allah SWT al-Raqib :
- Menjadikan manusia sentiasa berwaspada dalam semua keadaan.
 - Berusaha melakukan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.
- (2) (i) Maksud as-Syahid :
- Allah SWT Maha menyaksikan segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada-Nya.
- (ii) Dua bukti Allah SWT bersifat as-Syahid :
- Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya

- Allah SWT Maha menyaksikan dan menghitung segala amal perbuatan manusia
 - Allah SWT sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara yang nyata atau tersembunyi
 - Allah SWT menjadi saksi pembohongan orang-orang munafik
- (iii) Dua tindakan yang dilakukan oleh orang yang beriman dengan nama Allah as-Syahid :
- Menjaga hubungan baik dengan Allah SWT agar hidup diberkati
 - Menjaga hubungan baik sesama makhluk agar silaturrahim terjalin
 - Melakukan sesuatu pekerjaan dengan ikhlas supaya hasil kerja berkualiti
 - Menepati janji yang dibuat kerana yakin akan penyaksian Allah SWT
 - Menghindari perbuatan maksiat kerana takut dengan pembalasan Allah SWT.
 - Berkata benar dalam semua perkara kerana Allah SWT menghitung segala amalan.

Pelajaran 10

AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

PRAKTIS DSKP

- A
1. Syiah
 2. Khawarij
 3. Muktaizilah
- B
1. As-Salafus Soleh
 2. As-Sawadul 'Aazam
 3. Al-Asyairah
 4. Al-Maturidiah
 5. Ahlul Hadis
- C
1. Mendapat keredhaan Allah SWT
 2. Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan.
 3. Memelihara kesucian agama Islam
 4. Menghindar umat Islam dari fahaman yang melampau

PRAKTIS SPM

- 1 Beramal dengan perbuatan
- 2 (i) Pelaku dosa besar tetap dianggap mukmin tetapi dikira fasiq kerana berdosa besar
- (ii) Kedudukan pelaku dosa besar berada antara keimanan dan kekufuran
- (iii) Pendosa besar adalah kafir.
- 3 Nama-nama lain Ahli Sunnah Wal Jamaah
- 4 • Menghadiri kuliah agama bagi mendapatkan kefahaman benar tentang akidah
- Belajar dari guru yang diiktiraf keilmuannya dalam bidang akidah
- Mencontohi akhlak dan sunnah Rasulullah
- Menjauhkan diri daripada orang yang mengamalkan ajaran sesat
- 5 • Pelaku dosa besar dianggap kafir
- Wajib keluar menentang pemimpin yang tidak adil.
- Sumber syariat : hanya al-Quran
- 6 Orang mukmin dapat melihat Allah di syurga kelak seperti yang disebut di dalam hadis sahih, al-Quran dan disepakati oleh ulamak al-Salaf as-Soleh.
- 7 • Mengadakan program pemulihan akidah untuk mereka terjebak dengan Syiah

- Berkerjasama dengan semua pihak dalam penguatkuasaan undang-undang dalam membendung ajaran Syiah daripada terus menular
- Menyebarkan ajaran Islam yang sebenar melalui pelbagai media cetak atau elektronik.

I-THINK

DEFINISI AHLI SUNNAH WAL JAMAAH:

Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan as-Sunnah menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabi' tabi'in dalam prinsip akidah, syariah dan akhlak.

DEFINISI SYIAH :

Golongan yang mendokong cita-cita untuk menjadikan Saidina Ali KW sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW

DEFINISI KAHAWARIJ:

Pegangan Pada asalnya penyokong Saidina Ali dan menentang Muawiyah bin Abu Sufyan, tetapi membelot dan menentang Saidina Ali selepas peristiwa Majlis Tahkim

SOALAN SEBENAR SPM

- 1 (i) Dua nama lain Ahli Sunnah Wal Jamaah :
 - Assalafussoleh
 - Ahli Hadis
 - Sawadu A'zam
- (ii) Sejarah ringkas aliran Syiah :
 - Kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali bin Abu Talib dilantik sebagai Khalifah selepas Rasulullah.
 - Mereka yakin bahawa hanya Ahlul Bait sahaja yang layak memegang jawatan khalifah.
- (iii) Perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Muktazilah berkaitan isu al-Quran adalah makhluk ;
 - Ahli Sunnah Wal Jamaah :
Meyakini bahawa al-Quran merupakan kalam Allah yang bersifat Qadim (sediaada)
 - Muktazilah :
Mengatakan bahawa al-Quran adalah makhluk bersifat hadis (baru)
- (iv) Kesan jika masyarakat Islam tidak peka :
Cadangan isi :
 - Terpesong daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah
 - Perpecahan akan berlaku kerana berlainan fahaman yang ekstrem
 - Mengancam keselamatan serta kestabilan negara
 - Merosakkan kefahaman Islam dalam kalangan generasi muda
 Cadangan jawapan
 - Perpecahan akan berlaku dalam kalangan umat Islam sehinggakan meruntuh perpaduan negara (Isi : 1 markah). Hal ini kerana, pelbagai aliran pemikiran akan melahirkan pengikut yang ekstrem dengan fahaman masing-masing (Huraian ringkas : 1 markah). Kesannya, semua akan bertegang leher mempertahankan ajaran yang dibawa (Huraian lanjut : 1 markah). Oleh yang demikian, kita hendaklah sentiasa berwaspada dengan penuliran ajaran sesat supaya ia tidak membawa kesan yang teruk kepada Masyarakat (Ayat Kesimpulan : 1 markah baru)

- 2 (i) Pengertian Ahli Sunah Wal Jamaah :
Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan as-Sunnah menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabi' tabi'in dalam prinsip akidah, syariah dan akhlak.
- (ii) Dua aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah :
 - Syiah
 - Khawarij
 - Muktazilah
- (iii) Dua prinsip akidah Ahli Sunah Wal Jamaah :
 - Iman ialah kepercayaan serta keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lidah dan beramal dengan anggota.
 - Menyakini perbuatan manusia dicipta oleh Allah SWT.
 - Menyakini kewujudan perkara-perkara ghaib.
 - Menyakini bahawa syurga dan neraka telah wujud sebelum dijadikan makhluk
 - Syafaat Rasulullah SAW adalah dengan izin tuhan-Nya.
 - Perutusan para nabi dan rasul adalah harus.
- (iv) Dua kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah :
 - Menjadi asas penerima sesuatu amalan / kerana Allah SWT menyukai kesempurnaan.
 - Memelihara kesucian agama Islam / kerana berpegang kepada akidah yang benar.
 - Menjamin keamanan negara / kerana terhindar daripada golongan yang terlampau ekstrem terhadap sesuatu pegangan.
 - Mengelak umat Islam daripada terjebak dengan ajaran sesat kerana boleh membawa kepada kemusnahan.
 - Membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan / kerana fahaman yang menyeleweng daripada Islam.

BIDANG FEKAH

Pelajaran 11

SOLAT SUNAT

PRAKTIS DSKP

- A 1. Solat yang dilakukan untuk memohon petunjuk Allah SWT dalam menentukan pilihan bagi sesuatu perkara
2. Solat sunat khusus yang mengandungi bacaan tasbeih sebanyak 300 kali pada keseluruhan solat.
- B 1. 2 rakaat
2. Bersendirian
3. Surah al-Kafirun
4. Surah al-Ikhlas
- C 1. 4 rakaat satu salam jika dilakukan waktu siang dan 4 rakaat 2 salam jika dilakukan waktu malam
2. bersendirian atau berjemaah
3. Surah al-Kafirun
4. Surah al-Ikhlas

PRAKTIS SPM

- 1 (i) Niat Solat Tasbeih 2 Rakaat,

أصلي سنة التسبيح ركعتين لله تعالى

Niat Solat Tasbeih 4 Rakaat,

أصلي سنة التسبيح أربع ركعات لله تعالى

(ii) Niat Solat Istikarah,

أصلي سنة استخارة ركعتين لله تعالى

2 سبحان لله والحمد لله ولا إله إلا الله والله أكبر

Maha Suci Allah dan segala pujian bagi Allah, dan tiada Tuhan melainkan Allah, dan Allah Maha Besar;

- 3 • Mendapat petunjuk daripada Allah
- Mendapat ketenangan hati untuk membuat sesuatu keputusan
- Reda dengan ketentuan Allah
- Merasakan pergantungan hanya kepada Allah
- 4 Solat Sunat Tasbih dianjurkan supaya dikerjakan sekurang-kurang sekali seumur hidup.
- 5 • Mengetahui kepentingan dan kesan solat istikarah kepada seorang mukmin
- Melatih diri menunaikan solat istikarah setiap kali ingin membuat keputusan
- Mempelajari cara menunaikan solat istikarah yang betul
- Tidak menghadkan solat istikarah kepada sesuatu urusan tertentu sahaja
- Mengetahui kepentingan dan kesan solat istikarah kepada seorang mukmin
- 6 • Rugi bagi manusia yang tidak bertasbih kerana semua makhluk bertasbih
- Bertasbih merupakan satu bentuk zikir dalam rangka mengingat Allah
- Allah menghapuskan dosa yang lampau dan yang baru
- Orang yang tahu tentang kelebihan solat tasbih tetapi meninggalkannya dianggap mencuaikan agama.
- 7 • Memberitahu kelebihan dan fadhilat solat sunat tasbih
- Menceritakan hadis Rasulullah yang menggalakkan solat tasbih walau sekali seumur hidup
- Menunjukkan cara menunaikan solat sunat tasbih yang betul
- Mengajak rakan menunaikan solat sunat tasbih pada waktu yang sesuai
- 8 • Meningkatkan keimanan kepada Allah serta takdir-Nya
- Mengharapkan bantuan dan petunjuk Allah di dalam urusan harian
- Merasakan keterikatan dengan Allah dalam melaksanakan sesuatu tugas

Pelajaran 12

PERKAHWINAN DALAM ISLAM

PRAKTIS DSKP

- A 1. Memenuhi tuntutan batin yang merupakan fitrah manusia.
2. Memelihara diri daripada keruntuhan akhlak dan pelbagai gejala sosial yang boleh mencemarkan maruah.
3. Memelihara keturunan yang baik untuk generasi akan datang.
4. Mewujudkan ketenangan jiwa melalui hubungan cinta yang halal
- B 1. Mengahwini perempuan yang ada hubungan dengan isteri dalam satu masa
2. Perempuan yang masih isteri orang
3. Perempuan musyrik
4. Isteri yang di talak 3 sebelum dia berkahwin kemudian bercerai dan habis tempoh iddah dengan suami baru
5. Keturunan
6. Penyusuan
7. Persemendaan

- C 1. Kenduri yang diadakan sempena perkahwinan
2. Sunat muakkad
3. - Mensyukuri nikmat Allah SWT atas perkahwinan yang didirikan
- Merapatkan hubungan silaturrahim
- Menghebahkan perkahwinan kepada masyarakat untuk menghindari fitnah
4. Fardu Ain
- D 1. Menerapkan akidah Islam yang betul kepada anak-anak
2. Membentuk keluarga berdasarkan akidah yang berpegang dengan ahli sunnah wal jamaah
3. Memupuk asas ketakwaan yang mantap kepada keluarga
4. Memelihara akidah keluarga dari sebarang ajaran sesat dan fahaman yang salah
5. Mendidik keluarga dengan pengetahuan ibadah yang betul
6. Memastikan keluarga menunaikan tanggungjawab ibadah
7. Mengamalkan cara hidup berkeluarga yang mengikut syariah seperti solat berjemaah dan membaca al-Quran.
8. Memelihara keluarga dari amalan yang menyimpang dan menyeleweng

PRAKTIS SPM

- 1 (i) HARUS : Orang yang tiada tuntutan mendesak untuk berkahwin
- (ii) MAKRUH : Orang yang tidak mampu memberi nafkah tetapi berkeinginan untuk beristeri.
- (iii) HARAM : Orang yang tidak mampu menunaikan nafkah zahir dan batin atau diyakini menzalimi pasangannya.
- (iv) SUNAT : Orang yang mampu memberi nafkah zahir dan batin, sihat tubuh badan serta berkeinginan tetapi boleh mengawal diri daripada berzina.
- (v) WAJIB : Orang yang mampu memberi nafkah zahir dan batin, sihat tubuh badan serta kuatir melakukan zina kerana gagal mengawal nafsu.
- 2 • Dikhuatiri dapat menzalimi pasangan
- Seorang suami tidak menunaikan hak isteri dan sebaliknya
- Tidak dapat memenuhi hikmah terbinanya perkahwinan
- 3 • Masyarakat menjadi kucar kacir
- Nama baik kedua-dua buah keluarga tercemar
- Akan dikenakan Tindakan undang-undang
- 4 • Ibu tiri dan keatas
- Isteri kepada anak (menantu perempuan)
- Ibu mertua
- Anak tiri dan kebawah apabila ibunya telah disetubuhi
- 5 • Bapa
- Datuk
- 6 Hukum : Tidak sah
- Alasan : Perkahwinan mesti dilakukan dengan izin wali nasab

I-THINK

- Bakal Isteri
- Bakal Suami
- Ijab dan kabul (sighah)
- Wali
- 2 orang saksi

SOALAN SEBENAR SPM

- 1 (i) Maksud perkahwinan menurut Islam :
- Akad yang menghalalkan persetubuhan lelaki dan perempuan menurut hukum syarak.
- (ii) Dua hikmah disyariatkan perkahwinan :
- Memenuhi tuntutan batin manusia.
 - Memelihara keturunan yang baik.
- (iii) Pemberian hantaran dalam Islam :
- Pemberian hantaran mestilah mengikut kemampuan kedua belah pihak.
 - Pemberian hantaran bukan bertujuan untuk menunjuk-nunjuk kepada orang.
- (b) (i) Pengertian walimatul urus :
- Kenduri yang diadakan sempena perkahwinan
 - Kenduri kahwin / kenduri nikah
 - Majlis perkahwinan / pernikahan
- (ii) Tujuan pensyariatan walimatul urus :
- Melahirkan rasa syukur kepada Allah SWT.
 - Melahirkan rasa kegembiraan kepada pasangan suami isteri.
 - Merapatkan hubungan silaturrahim kedua belah pihak.
 - Menghebahkan perkahwinan kepada masyarakat untuk mengelakkan fitnah. Mengikut sunnah Rasulullah SAW.
- (iii) Nyatakan hukum kepada perkara berikut;
- (1) Harus / Sah
- (2) Sunat
- (iv) Pendapat tentang tuntutan adat vs agama dalam perkahwinan :

Cadangan jawapan :

- Hendaklah mengutamakan agama dengan mengutamakan perkara wajib
- Perkara yang berkaitan adat hendaklah dielakkan jika boleh menyebabkan pembaziran
- Adat boleh dilaksanakan sekiranya tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Pelajaran 13

ISU-ISU DALAM PERKAHWINAN

PRAKTIS DSKP

- A 1. Pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan
2. Pembubaran perkahwinan melalui kuasa hakim dengan sebab-sebab tertentu.
3. Pembubaran perkahwinan atas kehendak isteri dengan persetujuan membayar ganti rugi kepada suami.
4. Lafaz sumpah suami apabila menuduh isterinya berzina tanpa ada empat orang
- B 1. Talak yang boleh dirujuk dalam tempoh iddah tanpa nikah dan mahar yang baru.
2. Talak Bain
- C 1. Hingga melahirkan anak
2. 4 bulan 10 hari
3. Tiada iddah
4. 3 bulan
- D 1. Hak suami untuk menyambung kembali ikatan perkahwinan dengan isteri yang diceraikan dalam tempoh iddah.
2. Harus
3. - Dengan kerelaan sendiri

- Bukan perceraian kerana fasakh atau khuluk
- Bukan diceraikan talak tiga
- Isteri yang diceraikan masih dalam tempoh iddah
- Ada lafaz yang menunjukkan rujuk

- E 1. Penjagaan kanak-kanak yang masih kecil dan belum berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri.
2. Anak orang lain yang dipelihara seperti anggota keluarga sendiri tetapi tidak mempunyai hak seperti anak kandung yang ditetapkan oleh syarak
- F 1. Pasangan boleh didenda jika disabitkan kesalahan berkahwin tanpa saluran yang betul.
2. Pasangan akan dipisahkan sekiranya didapati perkahwinannya tidak sah mengikut syarak
3. Isteri tidak mempunyai dokumen yang sah untuk membuat sebarang tuntutan jika berlaku kematian suami.
4. Kesukaran untuk mendaftarkan kelahiran anak untuk mendapat sijil kelahiran

PRAKTIS SPM

- 1 • Suami tidak memberikan nafkah
- Suami hilang
 - Suami berpenyakit
- 2 • Suami isteri tidak boleh rujuk dalam tempoh iddah
- Mereka boleh berkahwin semula dengan mahar baru
- 3 • Mengiktiraf keluarga kandung
- Memelihara hak anak angkat
 - Menjaga batas pergaulan
 - Memelihara hak wali nikah
- 4 • Suami isteri dilarang melakukan persetubuhan
- Perbuatan menjatuhkan maruah isteri
 - Dimurkai oleh Allah
- 5 • Anak-anak hilang rasa hormat kepada ibu dan bapa
- Jiwa dan minda anak-anak akan tertekan
- 6 • Isteri enggan melayan suami di tempat tidur
- Ingkar perintah suami
 - Keluar tanpa izin suami
- 7 • Peminangan oleh lelaki lain
- Keluar dari rumah suami tanpa kebenaran
 - Berkahwin dengan lelaki lain
- 8 Hukum rujuk : sah
- Alasan : Syarat rujuk tidak memerlukan saksi tetapi suami perlu melafazkan rujuk di hadapan Pegawai Mahkamah Syariah bagi memenuhi peraturan pentadbiran hukum syarak negeri dan mengelakkan fitnah.

I-THINK

- 1 (i) Tidak mempunyai sebarang hubungan dengan bekas suami lagi.
- (ii) Bebas menentukan kehidupan sendiri
- (iii) Berhak dipinang dan dikahwini lelaki lain
- 2 (i) Memberi Nasihat
- (ii) Memisahkan tempat tidur
- (iii) Memukulnya untuk tujuan mendidik

PRAKTIS DSKP

- A**
1. Sunat
 2. Wajib
- B**
1. Harta yang diwasiatkan hendaklah dikira sebaik sahaja kematian pewasiat
 2. Harta yang diwasiatkan tidak melebihi daripada 1/3 daripada keseluruhan harta.
 3. Dilaksanakan setelah dilangsaikan segala perbelanjaan pengurusan jenazah dan hutang si mati.
- C**
1. Pewasiat
 2. Penerima wasiat
 3. Harta yang diwariskan
 4. Sighah
 5. Ijab
 6. Qabul
- D**
1. Pewaris
 2. Harta pusaka
 3. Ashabul furud
 4. Asabah binafsih
 5. Asabah bilghoir
 6. Asabah maal ghoir
- E**
1. Kematian telah di sahkan. Pembahagian harta tidak dibenarkan jika kematian belum disahkan.
 2.
 - Waris masih hidup
 - Mengetahui status
 - Ada hubungan dengan si mati
 3. Harta milik si mati. Pembahagian tidak sah jika harta bukan milik si mati.

PRAKTIS SPM

- 1** Maksud Wasiat
Ikrar yang dibuat oleh seseorang semasa hidup, untuk mengagihkan harta selepas kematiannya menurut hukum syarak.
- Maksud Faraid
Pembahagian harta seorang Islam yang telah meninggal dunia kepada anggota warisnya menurut hukum syarak.
- 2**
- (i) Penerima wasiat hendaklah wujud secara hakiki.
 - (ii) Penerima wasiat bukan seorang pembunuh.
 - (iii) Penerima wasiat bukan kafir harbi.
- 3** Wasiat tersebut tidak boleh dilaksanakan
Alasan : kerana antara syarat wasiat harta mestilah pemilikan penuh kepada pewasiat.
- 4** Hukum : Wasiat tersebut tidak boleh dilaksanakan dan terbatal
Alasan : kerana melebihi had harta yang boleh diwasiatkan iaitu tidak lebih 1/3 dari harta si mati.
- 5**
- (i) Suami
 - (ii) Isteri
 - (iii) Ayah
 - (iv) Emak
 - (v) Anak Perempuan
- 6**
- (i) **HIJAB NUQSHON** - Terhalang dengan mengurangkan pembahagian ahli waris dari menerima pembahagian Ashabul-Furud yang lebih banyak menjadi lebih sedikit, kerana masih ada ahli waris lain yang bersama-samanya.
 - (ii) **HIJAB HIRMAN** - Terhalang dengan tidak menerima pembahagian pusaka sama sekali kerana masih terdapat ahli waris yang lebih dekat hubungannya dengan yang mati yang lebih berhak untuk menerima harta pusaka.

- 7
 - (i) Asobah
 - (ii) Ashabul Furud
 - (iii) Zawil Arham
 - (iv) Ashabul Furud
 - (v) Zawil Arham
- 8 Wasiat dibuat semasa hidup dan dilaksana selepas kematian pewaris manakala faraid dibuat dan dilaksana selepas kematian.
- 9 Dalam pembahagian harta pusaka mengikut faraid, waris lelaki menerima lebih daripada waris perempuan disebabkan oleh tanggungjawab mereka dalam memberi nafkah dan lainnya. Hak diberi seiring dengan tanggungjawab. Suami kepada isteri. Bapa kepada anak-anak. Anak lelaki kepada ibu bapa. Datuk kepada cucu. Begitulah peraturan Allah SWT.
- 10
 - Allah mengharuskan wasiat kerana ia membawa faedah kepada pewasiat, kaum keluarganya dan masyarakat amnya. Pewasiat menerima faedah apabila dia menerima ganjaran dan pahala kerana wasiatnya.
 - Memastikan keadilan terlaksana dan kehidupan keluarga si mati dapat diteruskan seperti biasa dan tidak berlaku kezaliman selepas itu.

SOALAN SEBENAR SPM

- 1**
- (i) Dua rukun faraid:
 - Orang yang mewariskan harta
 - Waris
 - Harta pusaka
 - (ii) Dua jenis waris dalam pembahagian harta pusaka:
 - Asobah al-Furudh
 - Asabah.
 - (iii) Dua hikmah pensyariaan faraid:
 - Membuat persediaan dengan memberi agihan yang adil kepada semua penerima faraid.
 - Mengelakkan berlakunya salah faham yang akan menjejaskan hubungan keluarga.
 - Mengerat hubungan silaturahim sesama keluarga kerana menerima harta pusaka mengikut syarak
 - Memberi peluang waris menikmati kehidupan selepas mewarisi harta pusaka.
 - * Mana-mana jawapan yang berkaitan kelebihan faraid kepada penerimaan boleh diterima
 - (c) Punca berlaku perkara tersebut :
Cadangan isi :
 - Dokumen tuntutan tidak lengkap atau tidak sah.
 - Kurangnya kesedaran dan ilmu tentang pengurusan harta selepas kematian (wasiat/ faraid).
 - Pertelingkahan dan perebutan harta oleh waris.
 - Kegagalan melantik pentadbir harta yang sah.
 Cadangan jawapan :
 - Ramai waris tidak menyedari keperluan dokumen yang lengkap dan sah adalah perlu dalam mengurus harta pusaka (Isi :1 markah) Hal ini kerana, ramai waris tidak menyimpan sijil kematian, surat beranak atau dokumen milikan harta dengan baik(huraian ringkas :1 markah). Kesannya ia membawa kepada keadaan kegagalan mengesan waris yang sah atau berlakunya pertindihan tuntutan yang akan membawa kepada hal yang lebih rumit lagi. (huraian lanjut : 1 markah). Oleh yang demikian, kita hendaklah bersedia dengan ilmu

mengurus harta selepas kematian supaya harta dapat diuruskan dengan adil dan sah tanpa menjejaskan hubungan kekeluargaan (ayat Kesimpulan : 1 markah).

Pelajaran 15

JENAYAH DALAM ISLAM

PRAKTIS DSKP

- A**
1. Hudud
 2. Qisas
 3. Takzir
- B**
1. Qazaf : sebat 80 kali
 2. Penzina yang belum berkahwin : sebat 100 kali
 3. Minum arak : sebat 40 kali
- C**
1. Potong tangan dan memulangkan barangan yang dicuri
 2. Direjam sampai mati
- D**
1. Pembunuhan
 2. Perbuatan yang mencederakan
- E**
1. Teguran
 2. Denda
 3. Penjara
 4. Sebatan
 5. Hukuman mati
- F**
1. Menegakkan keadilan
 2. Mendidik dan menghukum kesalahan yang dilakukan supaya mendapat keampunan Allah SWT
 3. Menjamin keselamatan, kestabilan dan kedamaian masyarakat dan negara.
 4. Merencanakan pertumbuhan ekonomi tanpa bimbang kepada kecurian atau rampasan harta

PRAKTIS SPM

- 1 (i) Hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuknya dalam al-Quran dan as-Sunnah.
- (ii) Hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuk hukumannya secara balasan yang sama seperti dalam al-Quran dan as-Sunnah
- (iii) Hukuman keseksaan yang tidak ditetapkan jenis dan bentuk dalam al-Quran dan as-Sunnah, sebaliknya diputuskan oleh mahkamah.
- 2 (i) Bughah ialah pemberontakan penderhaka atau pemberontak satu kumpulan terhadap pemerintah yang sah dan adil dengan menggunakan kekuatan dan kekerasan serta berniat jahat.
- (ii) Hukuman mati
- 3 Belum berkahwin: disebat sebanyak 100 sebatan
Sudah berkahwin: direjam sampai mati
- 4 (i) Semua jenis minuman memabukkan yang diproses samada dari buah tamar, anggur, atau sebagainya samaada memabukkan dengan meminumnya atau tidak, minumannya sedikit atau banyak.
- (ii)
 - Pengakuan peminumnya sendiri
 - Disaksikan dengan saksi mencukupi syaratnya
 - Bahan yang memabukkan itu adalah dalam bentuk minuman
 - Dilakukan secara sukarela
- 5
 - Bersumberkan wahyu
 - Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan
 - Hukuman secara adil dan saksama
 - Mengandungi unsur-unsur pengajaran
- 6
 - Melindungi masyarakat dan bertindak sebagai pencegahan
 - Mengajar dan memperbaiki penjenayah serta membetulkan penyelewengan

- Membersihkan dosa dan menyelamatkan dari azab akhirat.
- 7 (i) Disebat 80 sebatan
 - (ii) Lafaz Soreh (jelas), Lafaz Kinayah (sindiran)
 - (ii)
 - Mengemukakan 4 saksi mengesahkan dakwaanya benar
 - Dengan cara bersumpah lian
 - Mendapat kemaafan dari pihak yang dituduh

I-THINK

- | | | |
|---------------|----------------|---------------|
| (i) Zina | (ii) qazaf | (iii) mencuri |
| (iv) merompak | (v) minum arak | (vi) murtad |
| (vii) bughah | | |

SOALAN SEBENAR SPM

- 1 (i) Maksud hudud :
 - Hukum kesiksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuknya dalam al-Quran dan as-sunnah.
- (ii) Dua jenis kesalahan di bawah jenayah hudud :
 - Mencuri
 - Minum arak
 - Qazaf
 - Zina
 - Merompak
- (iii) Langkah menghindari jenayah yang berlaku dalam masyarakat :

Cadangan Jawapan:

 - Melaporkan setiap perlakuan yang mencurigakan dan mempunyai unsur jenayah kepada pihak berkuasa. Hal ini kerana, membanteras kemungkaran adalah tanggungjawab bersama. Contohnya, menggunakan teknologi terkini dengan merakam atau mengambil gambar sebagai bukti perlakuan jenayah berlaku dalam pemerhatian kita. Kesimpulannya, kita hendaklah menjadi masyarakat yang bekerjasama membenteras jenayah supaya negara akan aman dan makmur.

Cadangan isi :

 - Menganjurkan acara kemasyarakatan.
 - Melaporkan setiap perlakuan yang mencurigakan dan mempunyai unsur jenayah kepada pihak berkuasa.

BIDANG SIRAH

Pelajaran 16

KERAJAAN UTHMANIYAH

PRAKTIS DSKP

- A**
1. Bersempena nama Uthman bin Urtughul, pengasas kerajaan Uthmaniyah
 2. 37 orang
 3. Benua Asia, Eropah, Afrika
 4. Sultan Uthman bin Urtughul
 5. Sultan Abdul Hamid II
 6.
 - Semangat jihad yang tinggi dalam kalangan tentera demi mempertahankan agama dan negara.
 - Menjaga kebajikan tentera dengan menyelaraskan sistem kenaikan pangkat, imbuhan dan kelengkapan senjata.
 7.
 - Teknologi ketenteraan yang ketinggalan berbanding kuasa barat
 - Kemerosotan ekonomi dan beban hutang
 - Kelemahan sistem pendidikan menyebabkan

- kekurangan tenaga untuk membangunkan negara
- Persaingan politik
- Gerakan yang menuntut kemerdekaan dari wilayah-wilayah menyebabkan negara tidak stabil

PRAKTIS SPM

- (i) Uthman Ertughrul
(ii) Orkhan Ghazi
(iii) Sultan Murad I
(v) Sultan Mehmed I
(iv) Sultan Bayezid
- Mempunyai disiplin diri yang tinggi
 - Keimanan dan ketakwaan yang tinggi di kalangan tentera
 - Kepatuhan kepada pemimpin
 - Semangat juang yang tinggi untuk mempertahankan Islam
- Pada awalnya dikuasai kerajaan Saljuk. Pengasasnya ialah Uthman Ertughrul yang menakluki Anatolia dan menjadikan Bursa sebagai ibu negeri. Anaknyanya Orhan I telah melakukan perluasan kuasa.
- Kelemahan kepimpinan, pentadbiran dan pemerintahan yang tidak teratur
 - Kehidupan Sultan yang bermewah mewah
 - Kelemahan dalam tadbir urus ekonomi seperti pelantikan jawatan yang bukan didasari oleh kebolehan
 - Persaingan dengan kerajaan eropah yang semakin maju
 - Keruntuhan akhlak dan kurang penghayatan Islam
- Penaklukan Konstantinopel
 - Sultan mempunyai akhlak yang mulia yang dicontohi oleh rakyat
 - Semangat kepahlawanan di kalangan tentera Islam
 - Sistem ketenteraan yang tersusun
 - Mempunyai armada laut yang kuat
 - Mengamalkan dasar diplomasi dan toleransi
- Pembinaan empayar Islam
 - Mempertahankan tanah suci Islam
 - Istanbul menjadi pusat pentadbiran dunia Islam
 - Pengenalan system perundangan oleh Sultan Sulaiman
 - Istanbul menjadi pusat pertemuan perdagangan Timur dan Barat
 - Perkembangan yang pesat dalam bidang ilmu pengetahuan
- Tiada penerapan sistem Islam
 - Penyebaran Islam tidak dilaksana
 - Tiada kuasa perlindungan
 - Pepecahan Muslimin dan wilayah Islam
 - Eksploitasi kekayaan Muslim
- Kemampuan meneroka bidang baru
 - Rakyat hendaklah mempunyai kecerdasan fizikal dan mental
 - Pengamalan akhlak mulia di antara pemimpin dan rakyat
 - Mengekalkan kestabilan politik dengan menghormati budaya dan adat masyarakat yang berbagai kaum

I-THINK

- Uthman Ertughrul
- Sultan Murad I
- Sultan Muhammad al-Fateh
- Sultan Sulaiman I

SOALAN SEBENAR SPM

- (i) Dua sumbangan Sultan Sulaiman al-Qanuni :
 - Membuka Belgrade.
 - Membuka Algeria.
- Empat fakta sejarah kerajaan Islam Uthmaniyyah :
 - Tempoh pemerintahan 1299-1924.

- Bilangan pemerintah 37 orang.
 - Asal nama kerajaan bersempena dengan nama Osman.
 - Pemerintah pertama ialah Sultan Osman bin Argetul.
- Dua faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyyah :
 - Kemerosotan ekonomi dan beban hutang negeri yang tinggi.
 - Kelemahan sistem pendidikan menyebabkan kekurangan tenaga mahir.
 - (i) Dua orang sultan kerajaan Uthmaniyyah yang terkenal :
 - Sultan Uthman Ertughrul
 - Sultan Murad I bin Urkhan
 - Sultan Muhammad al-Fateh bin Murad II
 - Sultan Sulaiman al-Qanuni
 - (ii) Dua faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyyah dalam aspek pentadbiran :
 - Pemerintah berperanan dengan berkesan sebagai ketua tentera, ketua agama dan hakim tertinggi.
 - Pemerintah menyelaraskan pemerintahan dan keagamaan dengan dibantu oleh pegawai pentadbiran.
 - Penguasaan laluan di antara benua Eropah dengan benua Asia apabila menguasai Selat Dardanelles dan Selat Bosphorus.
 - (iii) Dua iktibar yang diperoleh daripada pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah:
 - Memilih pemimpin yang berwibawa penting supaya urusan pentadbiran berjalan lancar.
 - Sentiasa memperbanyak penerokaan ilmu agar mampu bersaing diperingkat antarabangsa.
 - Sentiasa menghayati semangat cinta akan negara agar rela berkorban mempertahankannya daripada musuh.
 - Sentiasa berpegang dengan ajaran Islam supaya hidup diberkati Allah SWT.
 - Menolak campur tangan asing untuk menjaga kedaulatan negara.

Pelajaran 17

KEUNGGULAN TOKOH ISLAM

PRAKTIS DSKP

- Ahmad bin Muhammad Ibrahim
 - 15 Mei 1961
 - 17 April 1999
 - Profesur Emiritus Tan Sri Doktor
 - Pensyarah Kuliah undang-undang di UIAM
- Membebaskan Baitulmaqdis
 - Mengembalikan semula pegangan ahli sunnah wal jamaah dalam sistem pendidikan
 - Mengasaskan pertubuhan ikhwanul muslimin
 - Menulis al-Mathurat
 - Menulis buku-buku berkaitan undang-undang di Malaysia.
 - Pengasas dan penggubal enakmen undang-undang Islam kelantan

PRAKTIS SPM

- (i)
 - Nama penuh : Hassan bin Ahmad bin Abdul Rahman Muhammad al-Banna
 - Tarikh lahir : 25 Sya'ban 1323 H / 14 Oktober 1906
 - Tarikh wafat : 1368H / 12 Februari 1949
 - Jawatan : Mursyid al-Amam Ikhwan al-Muslimin
- (ii)
 - Menghasilkan karya-karya agung seperti Muzakirah

ad-dakwah wal Daieyah

- Mengasaskan pertubuhan
- (iii) • Kita hendaklah mencontohi kegigihan beliau dalam menuntut ilmu / kerana kecintaannya terhadap ilmu
- Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islamiah / agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar.
- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki / agar dapat memberikan manfaat kepada agama, bangsa dan negara.
- 2 (i) • Menggubal perkara 121 yang menjadi benteng campur tangan mahkamah sivil terhadap urusan mahkamah Syariah.
- Menubuhkan fakulti perundangan Islam
- (ii) • Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia'
- (iii) • Memperjuangkan Islam berlandaskan kepakaran yang dimiliki
- Menunaikan amanah dan tanggungjawab sebagai insan yang memiliki ilmu
- Mewujudkan bidang baru bagi memperjuangkan agama Islam di mata dunia
- (iv) • Menyambung pengajian di dalam dan luar negara
- Memperolehi berbagai pengiktirafan atas kecemerlangan dalam akademik
- 3 (i) • Salahuddin al-Ayyubi lahir di Iraq
- Pengasas kerajaan al-Ayyub
- Bergelar Sultan Salahuddin
- Merupakan seorang panglima tentera, pemimpin dan pebtadbir negara yang berbakat tinggi dan masyur pada zaman Perang Salib.
- (ii) • Tidak Bangga Diri
- Sabar dan tekun
- Sering berbincang
- Bersederhana
- Memiliki Visi Dan Misi Yang Jelas
- Adil
- (iii) • Membebaskan kota Baitul Maqdis
- Memastikan kesucian Baitul Maqdis
- Mengamalkan tolak ansur agama
- Memulih dan membangunkan negara
- Memajukan aspek Pendidikan: memperkenalkan Pendidikan pra sekolah al-Khattib

I-THINK

- (i) Hassan bin Syeikh Ahmad bin Abd Rahman al-Bannna.
- (ii) Iskandariah pada 1906 M
- (iii) Mendapat pendidikan awal di Madrasah Rasyad Diniyyah. Berpindah ke Madrasah Idadiah sebelum melanjutkan pelajaran ke Pusat Latihan Perguruan di Darul Ulum. Melanjutkan pelajaran peringkat diploma di Darul Ulum Kaherah dan berkerja sebagai guru.
- (iv) • *Risalah al-'Aqa'id, 'Aqidatuna dan Allah fi al-'Aqidah al-Islamiyyah*
- 'Muzakirat ad-Da'awah wa-Dai'yiah
- Risaa'il-Al-Imamu-Syahid.'
- Al-Mathurat
- Jihad fil Islam

SOALAN SEBENAR SPM

- 1 (i) Dua hasil karya Imam Hassan al-Banna:
 - Al-Mathurat
 - Risalah at-Ta'alim
 - Muzakirat dakwah wal dai'yiah
- (ii) Dua ketinggian akhlak Imam Hassan al-Banna yang menjadi pemangkin kejayaan dakwah Islam:
 - Memuliakan orang-orang warak dan soleh dengan berguru dengan guru-guru yang masyhur seperti Yusuf Qardawi dan Sayyid Qutb.
 - Gigih menggerakkan usaha dakwah dengan mengetuai organisasi pertubuhan Ikhwanul Muslimin.
 - Menghasilkan karya yang menjadi rujukan umat Islam seperti al-Mathurat dan Risalah al-Ta'alim
- 2 (i) Riwayat hidup Hassan al-Banna :
 - Nama penuh : Hassan bin Ahmad bin Abdul Rahman Muhammad al-Banna
 - Tarikh lahir : 25 sya'ban 1323 H / 14 oktober 1906
 - Tarikh wafat : 1368H / 12 februari 1949
 - Jawatan : Mursyid Al-Amam ikhwan al-Muslimin
- (ii) Sumbangan Hassan al-Banna :
 - Menghasilkan karya-karya agung seperti Muzakirah Ad-dakwah wal Daieyah
 - Mengasaskan pertubuhan.
- (iii) Dua iktibar daripada kegigihan Hassan al-Banna dalam menyebarkan dakwah Islam :
 - Kita hendaklah mencontohi kegigihan beliau dalam menuntut ilmu/ kerana kecintaannya terhadap ilmu.
 - Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islamiah/ agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar.
 - Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki/ agar dapat memberikan manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

BIDANG AKHLAK ISLAMIAH

Pelajaran 18

TAWADUK MENZAHIRKAN KESUCIAN JIWA

PRAKTIS DSKP

- A 1. Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia.
2. وَمَا تَوَاضَعْ أَحَدٌ لِلَّهِ وَفَعَهُ اللَّهُ
3. - Membentuk insan yang bertakwa kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah
- Dikasihi masyarakat kerana tidak bersikap sombong
 - Membentuk keluarga yang harmoni kerana saling menghormati antara satu sama lain
 - Mendapat kedudukan mulia disisi Allah SWT kerana sentiasa bersyukur
 - Membudayakan sikap merendah diri demi ketenangan Islam

PRAKTIS SPM

- 1 • Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia.
- Tetapi masa yang sama dirinya berusaha memperbaiki dirinya untuk mencapai darjat dan kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT.

- 2 • Lebih senang tidak dikenali daripada menjadi orang terkenal
- Bersedia menerima kebenaran dari siapapun, baik dari kalangan orang tinggi mahupun yang rendah kedudukannya
- Mencintai fakir miskin dan suka bergaul dengan mereka
- Bersedia mementingkan urusan orang lain dengan sebaik mungkin
- Berterima kasih pada orang-orang yang telah berbuat baik padanya dan memaafkan orang-orang yang berbuat buruk kepadanya
- 3 • Yakin bahawa kita boleh melakukan sesuatu atas kehendak Allah, bukan atas dasar kemampuan diri
- Sentiasa bersyukur kepada Allah atas segala pencapaian diri
- Mendekatkan diri kepada Allah dengan amalan sunat
- Memperbanyakkan istighfar
- 4 Iblis enggan sujud memberi penghormatan kepada Adam walaupun ia adalah arahan daripada Allah kerana merasakan diri lebih baik dan mulia daripada Adam. Jika kita memiliki sikap takabbur di dalam diri, ianya mewarisi sikap takabbur Iblis. Oleh itu, kita hendaklah menjauhkan diri daripada sikap takabbur, sebaliknya melazimi diri dengan sifat tawaduk dengan melepaskan diri dari sifat angkuh dan takabbur, menghinakan diri dalam kebenaran dan tidak mengangkat diri atas kemuliannya, sehingga menjadi angkuh dan sombong.
- 5 • Rasulullah SAW memberikan salam kepada kanak-kanak
- Rasulullah menjalankan tugas harian seperti menjahit baju, memperbaiki kasut
- Rasulullah memberi makan unta, mengikat dan membersihkannya
- Rasulullah berjabat tangan dengan kanak-kanak, orang tua, si kaya dan miskin.
- 6 • Sifat tawaduk membuat kita tenggelam di dalam kebesaran dan kehebatan Allah SWT. Allah Yang Maha Tinggi. Allah Yang Maha Sempurna.
- Memudahkan pergaulan sesama manusia
- Dihormati oleh ramai manusia sesuai naluri setiap manusia ingin dihormati dan menghormati
- Mempereratkan hubungan persaudaraan antara dirinya dan masyarakat
- Mengangkat martabatnya di sisi Allah mahupun sesama manusia.
- Menimbulkan sikap qanaah iaitu perasaan merasakan cukup dengan kurniaan Allah di dalam diri.
- 7 Sikap tawaduk mendorong seseorang untuk melakukan amar makruf dan nahi mungkar. Orang yang berusaha untuk menegur rakannya bukan bermakna dia adalah lebih baik, tetapi dia menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang mukmin. Bahkan dia telah menunjukkan refleksi seorang yang tawaduk dan sifat mengasihi rakannya. Sebaliknya orang yang tidak berakhlak adalah dianggap sombong kerana dia hanya memikirkan dirinya sendiri sahaja.
- 8 • Mengingatkan sahabat bahawa orang yang tidak dapat menerima nasihat dan teguran dianggap mempunyai sikap takabbur di dalam diri.
- Menasihatinya supaya bersikap tawaduk yang akan berlapang dada menerima teguran dari sesiapa sahaja termasuk orang yang tidak disukainya.
- 9 • Mengingatkan diri bahaya sikap takabbur yang boleh memadamkan pahala
- Mengetahui bahawa menilai diri lebih baik daripada orang lain adalah penyakit hati

- Melatih hati dengan nilai rendah diri supaya ia akan meninggikan darjat di sisi Allah

SOALAN SEBENAR SPM

- 1 (i) Maksud tawaduk :
 - Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia.
- (ii) Dua cara menanamkan sifat tawaduk dalam diri :
 - Sentiasa muhasabah diri agar dapat memperbaiki kelemahan diri.
 - Menyucikan jiwa dengan selalu berzikir mengingati Allah SWT.
 - Membanyakkan mendengar dan menerima nasihat agar tidak mudah merasa sombong.
 - Menghayati kisah para nabi dengan mencontohi iktibar sifat tawaduk mereka.
 - Banyak bersyukur dan qanaah kerana menikmati nikmat yang Allah SWT berikan.
- (iii) Dua contoh sifat tawaduk yang boleh dicontohi daripada Rasulullah SAW :
 - Tawaduk dalam pergaulan – lemah lembut dan kasih sayang terhadap kanak-kanak/ mengusap kepala kanak-kanak/ meyantuni kanak-kanak
 - Tawaduk dalam rumah tangga – membantu isteri menguruskan hal rumah tangga/ menjahit sendiri pakaian/ melayani keluarga/ menampal selipar.
 - Tawaduk dalam pengurusan makanan – tidak membazirkan makanan/ tidak mencela makanan.

Pelajaran 19

ISTIQAMAH JALAN MENUJU MUJAHADAH

PRAKTIS DSKP

- A 1. Bermujahadah melawan hawa nafsu agar dapat mengamalkan sifat mahmudah dan kebaikan dengan berterusan.
2. Bermuhasabah diri agar ikhlas dan sabar dalam setiap perkara
3. Berdoa memohon bantuan Allah agar dapat melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.
4. Menghayati sirah para nabi untuk dijadikan iktibar dalam beristiqamah melakukan kebaikan
- B 1. Keyakinan
2. Keikhlasan
3. Melazimi ibadah sunat
4. Istiqamah dalam beramal
5. Berdisiplin dalam beribadah

PRAKTIS SPM

- 1 Ketaatan yang berterusan dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya.
- 2 **فَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ**
Maka istiqamahlah kamu (Muhammad) di jalan yang benar, sebagaimana telah diperintahkan kepadamu dan juga kepada orang yang bertaubat bersamamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sungguh, Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan. – (Hud: 112)
- 3 • Niat istiqamah ikhlas kerana Allah
- Berubah mengikut kemampuan
- Memilih sahabat yang soleh yang dapat membantu dan membimbing untuk tetap istiqamah
- Sentiasa berdoa kepada Allah agar dikurniakan sifat Istiqamah

- Menghadiri majlis-majlis agama untuk tetap istiqamah
- 4 • Jaminan syurga bagi yang melaksanakan ibadah secara istiqamah
 - Sentiasa berpegang kepada akidah yang benar
 - Melahirkan jiwa yang tidak mudah putus asa dalam kehidupan
- 5 Bagi pendapat saya, Amin tidak lagi mencapai tahap istiqamah dalam melaksanakan ibadah sunnat. Rasulullah SAW menyukai umatnya yang tetap istiqamah melakukan ibadah walaupun sedikit. Jelas di sini, Islam mementingkan kualiti ibadah tersebut berbanding kuantiti. Oleh itu, kita hendaklah berusaha untuk istiqamah melakukan sesuatu ibadat sunat secara bertahap.
- 6 • Sentiasa berdoa kepada Allah untuk tetap berada dalam kebenaran dan dijauhkan dari kemungkaran
 - Sentiasa bersyukur kepada Allah atas nikmat hidayah
 - Bersahabat dengan sahabat soleh yang boleh membimbing
- 7 (i) Untuk tetap istiqamah pada jalan kebenaran
 - (ii) • Supaya cekal dan tabah menghadapi ujian dan cabaran
 - Supaya dimasukkan ke dalam syurga di akhirat kelak
 - (iii) • Istiqamah merupakan sikap jati diri yang teguh dan tidak luntur oleh apa jua pengaruh dan cabaran. Sikap ini membolehkan seseorang itu terus berusaha untuk mencapai matlamat daripada usaha dan pengorbanannya. Akhirnya sikap inilah yang menjadi faktor utama kejayaan.
 - Dengan kata lain istiqamah menjadi faktor pencapaian matlamat dalam apa jua bidang sama ada bidang agama, siasah, ekonomi, pendidikan, penyelidikan, perusahaan dan perniagaan.
 - Kejayaan melaksanakan tuntutan iman dan matlamat amal soleh dapat dicapai dengan sikap istiqamah.
- 8 Baginda SAW tidak jemu memohon keampunan Allah SWT walaupun baginda seorang yang maksum
- 9 Rasulullah SAW tetap menyebarkan dakwah Islam walaupun menghadapi pelbagai kesusahan dan ancaman

SOALAN SEBENAR SPM

- 1 (i) Maksud istiqamah ialah ketaatan yang berterusan dalam melaksanakan suruhan Allah dan menjauhi larangan-Nya
- (ii) Dua contoh sifat istiqamah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW:
 - Istiqamah dalam Ibadat. Baginda SAW tidak jemu memohon keampunan Allah meskipun baginda seorang yang maksum dengan beristigfar 70 kali setiap hari
 - Istiqamah dalam Berdakwah. Rasulullah tetap menyebarkan dakwah walaupun menghadapi pelbagai dugaan. Sifat istiqamah baginda menyebabkan tidak sedikit pun berganjak meskipun digantikan dengan kesenangan dunia.
- (iii) Contoh amalan yang boleh dilakukan untuk menjadi seorang yang istiqamah:

Contoh isi

 - Menjaga solat lima waktu secara konsisten.
 - Membaca Al-Quran setiap hari walaupun sedikit.
 - Berdoa dan bermuhasabah diri secara tetap.
 - Menjauhi maksiat secara berterusan walaupun perkara kecil.

Contoh jawapan

 - Saya akan beristiqamah dengan membaca al-Quran setiap hari meskipun sedikit (Isi : 1 markah) Hal ini kerana al-

Quran ini membantu hati kekal lembut dan dekat dengan petunjuk Allah. (Huraian ringkas : 1 markah) Contohnya membaca satu ayat atau dua ayat selepas solat fardu secara berterusan (Huraian lanjut : 1 markah) Oleh itu kita hendaklah berusaha dengan penuh konsisten membudayakan al-Quran dalam kehidupan kerana ia merupakan petunjuk dari Allah SWT kepada umat manusia (ayat Kesimpulan : 1 markah).

Pelajaran 20

ALAM SEKITAR PENENANG JIWA

PRAKTIS DSKP

- A
 1. Flora dan fauna
 2. Sungai dan laut
 3. Udara
 4. Hutan, bukit, gunung

*mana-mana jawapan yang sesuai
- B
 1. - Tidak melakukan sebarang kerosakan dan melakukan penanaman semula pokok
 - Menjaga ekosistem kehidupan flora dan fauna agar tidak pupus
 - Menjaga kelestarian alam
 2. - Mengamalkan amalan kitar semula barangan yang tidak digunakan
 - Berjimat cermat dalam penggunaan air dan elektrik
 - Menjaga kebersihan dan keceriaan persekitaran dengan melakukan aktiviti gotong royong

PRAKTIS SPM

- 1 Definisi Alam sekitar : Alam Sekitar ialah segala yang ada di langit dan dibumi, meliputi udara, tanah dan air.
- 2 • Rasulullah menganjurkan setiap manusia untuk menjaga Alam sekitar
 - Mencemarkan alam sekitar dengan sengaja boleh mendatangkan kemurkaan Allah
 - Islam mengambil berat tentang kebersihan dan kesejahteraan hidup manusia
 - Menjaga alam sekitar daripada pencemaran adalah tanggungjawab setiap manusia
- 3 • Penerokaan hutan secara berleluasa tanpa kawalan
- Pembuangan sisa toksik pepejal ke dalam sungai
- Bunyi bising daripada kerja-kerja pembinaan
- 4 Akibat tidak menjaga alam sekitar akan menjejaskan ekosistem habitat kehidupan dalam negara. Ianya juga menyebabkan pencemaran udara, air dan darat yang akan mengganggu kesihatan manusia secara umumnya. Secara tidak langsung kehidupan dan kesihatan masyarakat yang terjejas hasil daripada pencemaran alam sekitar akan membawa kepada kemunduran ekonomi negara. Oleh itu, menjadi kewajipan setiap warganegara menjaga alam sekitar daripada tercemar.
- 5 (i) • Mengambil mudah kesan pembakaran sampah kepada alam sekitar
 - Sikap tidak bertanggungjawab
 - Menganggap bahawa menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab pihak berkuasa
 - Kurang kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar
- (ii) • Berlakunya pencemaran udara hasil daripada gas, atau zarah yang berbahaya dari hasil pembakaran yang tersebar pada udara
- Penipisan lapisan atmosfera yang mengganggu kesihatan penduduk bumi

- (iii) • Mengadakan kempen menjaga alam sekitar
 - Mengedarkan maklumat-maklumat kesedaran tentang alam sekitar
 - Mencadangkan kepada ketua kampung untuk mengambil tindakan tegas kepada pelaku
- 6 • Dapat mengekalkan kebersihan dan keindahan alam sekitar
- Masyarakat tempatan dan luar dapat menikmati keindahan alam semula jadi
- Menarik pelancong untuk datang ke negara kita
- Tahap kesihatan penduduk dan habitat haiwan berada pada tahap yang memuaskan
- Memajukan bidang pelancongan negara

I-THINK

- (i) Memberi kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar
- (ii) Menyediakan kemudahan secukupnya untuk memudahkan orang ramai menjaga alam sekitar
- (iii) Mengadakan gotong royong
- (iv) Menggubal dan menguatkuasakan undang-undang

Pelajaran 21

SIFAT MAZMUMAH MERACUNI HATI

PRAKTIS DSKP

- A 1. Hasad
- 2. Ujub
- 3. Riak
- B 1. Banyak makan dan minum
- 2. Banyak berkata yang sia-sia
- 3. Pamarah
- 4. Hasad dengki
- 5. Kedekut dan bakhil
- 6. Cintakan harta dan pangkat
- 7. Hati yang terpaut pada dunia
- 8. Sombong
- 9. Bangga diri
- 10. Menunjuk-nunjuk
- C 1. Ujub
- 2. Riak
- 3. Hasad
- D 1. Orang yang dikurniakan harta kekayaan dan bersedekah dengan harta-hartanya kepada yang berhak
- 2. Orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan dan mengamalkan ilmunya juga mengajarkan kepada orang lain
- E 1. Mendidik jiwa supaya sentiasa tunduk kepada kekuasaan Allah SWT
- 2. Membentuk akhlak mulia kerana menghindari diri dari larangan Allah SWT
- 3. Memartabatkan imej Islam sebagai contoh teladan terbaik
- 4. Mendapat ketenangan hidup kerana menjaga hubungan dengan manusia.

PRAKTIS SPM

- 1 (i) (a) Perasaan dengki melihat kelebihan yang ada pada seseorang/dan berharap supaya kelebihan tersebut hilang daripadanya.
- (b) Berasa bangga dengan amalan dan kelebihan yang ada pada diri sendiri
- (ii) • Sentiasa mengamalkan sifat mahmudah
- Sentiasa muhasabah diri

- Sentiasa mengawal keinginan nafsu yang suka kemegahan dunia
- Sentiasa berzikir kepada Allah SWT
- Sentiasa bersahabat dengan rakan yang berakhlak mulia
- (iii) • Membentuk akhlak mulia dalam diri muslim
- Mendidik jiwa tunduk kepada kekuasaan Allah SWT
- Memupuk jati diri muslim bersifat mahmudah
- Mendapat ketenangan hidup
- 2 • Riak dalam niat : Berniat selain daripada Allah, tiada ikhlas dalam niat. berniat untuk menampakkan dan mempamerkan kebaikan diri
- Riak dalam perbuatan : Menunjukkan segala tindak perbuatan atau ibadah dihadapan orang lain dengan tujuan untuk diperhatikan dan mendapat pujian
- 3 • Salah satu penyakit hati yang menjadikan seseorang itu masuk dalam golongan munafik
- Merupakan dosa besar kerana tergolong dalam perbuatan syirik
- Riak boleh menimpa sesiapa sahaja termasuk yang soleh dan berilmu
- Mendatangkan kemurkaan Allah dan ancaman Allah
- Dipermalukan di hadapan seluruh makhluk di akhirat kelak
- Amal ibadah yang baik akan terbatal
- Terhalang daripada taufiq dan hidayahnya

SOALAN SEBENAR SPM

- 1 (i) Maksud hasad :
 - Perasaan dengki melihat kelebihan yang ada pada seseorang dan berharap supaya kelebihan tersebut hilang daripadanya.
- (ii) Dua contoh sifat hasad yang berlaku dalam kalangan pelajar :
 - Hasad terhadap kepintaran dan kepandaian seseorang.
 - Hasad terhadap tumpuan yang diberikan guru kepada pelajar lain.
- (iii) Huraian :
 - Hasad boleh membawa kepada pergaduhan dan permusuhan.
 - Hasad menjadikan seseorang tidak bersyukur kepada nikmat Allah.
- 2 (i) (1) **Hasad** : Perasaan dengki melihat kelebihan yang ada pada seseorang dan berharap supaya kelebihan tersebut hilang daripadanya.
- (2) **Ujub** : Berasa bangga dengan amalan dan kelebihan yang ada pada diri sendiri.
- (ii) Dua cara meninggalkan sifat mazmumah :
 - Sentiasa mengamalkan sifat mahmudah.
 - Sentiasa muhasabah diri.
 - Sentiasa mengawal keinginan nafsu yang suka kemegahan dunia.
 - Sentiasa berzikir kepada Allah SWT.
 - Sentiasa bersahabat dengan rakan yang berakhlak mulia.
- Mana-mana yang jawapan sesuai dan munasabah diterima*
- (iii) Dua hikmah meninggalkan sifat mazmumah terhadap individu :
 - Membentuk akhlak mulia dalam diri muslim.
 - Mendidik jiwa tunduk kepada kekuasaan Allah SWT.
 - Memupuk jati diri muslim bersifat mahmudah.
 - Mendapat ketenangan hidup.

Mana-mana yang jawapan sesuai dan munasabah diterima

- (iv) Pandangan sekiranya perbuatan tersebut dibiarkan berleluasa dalam masyarakat :

Cadangan Jawapan:

Sifat sombong ini menjadi punca tercetusnya penyakit-penyakit batin(mazmumah). *Hal ini kerana*, sikap tersebut membawa kepada penindasan, diskriminasi dan penzaliman. *kesannya*, lahir masyarakat yang saling berdendam, hina-menghina, kata-mengata dan jatuh-menjatuhkan antara satu sama lain. *Kesimpulannya, kita hendaklah* menjauhi sikap mazmumah dalam diri supaya menjadi muslim yang sejati.

KERTAS MODEL SPM

- 1 (a) (i) **Dua** contoh perbuatan yang tidak menjaga kehormatan diri:
- Berzina
 - Tidak menutup aurat
- (ii) **Dua** akibat mengamalkan salah laku seksual:
- Mengakibatkan berlaku perbuatan jenayah yang lain.
 - Menjejaskan emosi dan mental.
 - Mengundang penyakit yang berbahaya seperti AIDS.
- (iii) **Dua** pengajaran ayat :
- Kita hendaklah meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dengan melakukan setiap perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.
 - Kita hendaklah menunaikan solat dengan penuh rasa khusyuk agar menjadi hamba yang bertaqwa.
 - Kita hendaklah menjauhkan diri dari perkara yang sia-sia dan tidak berfaedah.
- (b) (i) Maksud pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT:
- Pemuda yang memenuhi masa dengan melakukan ibadah kepada Allah sama ada ibadah wajib atau sunat.
- (ii) **Dua** cara untuk menjadi pemuda yang taat:
- Bersahabat dengan mereka yang boleh mengingatkan kita kepada Allah dan menyuruh kearah kebaikan mencegah kemungkaran.
 - Menghadiri majlis ilmu dan program agama yang boleh meningkatkan keimanan dalam diri.
 - Menjauhi perkara yang melalaikan dan kemaksiatan.
- (ii) **Dua** pengajaran hadis :
- Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan kerana bersikap adil merupakan suruhan Allah SWT.
 - Kita hendaklah memanfaatkan usia muda dengan melakukan amal kebajikan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.
 - Kita hendaklah sentiasa mengimarahkan masjid dan surau.
- 2 (a) (i) Maksud ar-Raqib dan as-Syahid :
- Ar-Raqib: Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk.
 - As-Syahid: Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menyaksikan segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatupun yang tersembunyi daripada-

Nya.

- (ii) **Dua** bukti Allah SWT ar-Raqib :
- Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya.
 - Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia.
- (iii) Hujah untuk menyokong pernyataan:

Cadangan jawapan :

- Takut untuk melakukan larangan Allah SWT kerana Allah Maha Mengawasi setiap perbuatan kita.
- Menjauhi kemungkaran dan melipatgandakan ibadah.
- Melindungi diri dari kemungkaran dan kemaksiatan serta mudah untuk melakukan kebaikan dan ketaatan kepada suruhan Allah SWT.

- (b) (i) Maksud Ahli Sunnah Wal Jamaah:
- Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pad al-Quran dan as-Sunnah menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabi' tabi'in dalam prinsip aqidah, syariah dan akhlak.
- (ii) Pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah tentang kedudukan iman:
- Ahli Sunnah Wal Jamaah mempercayai bahawa iman boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan.
- (iii) **Dua** kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah :
- Menghindarkan umat Islam daripada fahaman yang melampau.
 - Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan.
 - Menjaga kesuciaan agama Islam.
- 3 (a) (i) Pengertian walimatul urus :
- Kenduri yang diadakan sempena perkahwinan. Hukumnya sunat muakkad.
- (ii) **Dua** tujuan walimatul urus :
- Mensyukuri nikmat Allah SWT atas perkahwinan yang didirikan.
 - Merapatkan hubungan silaturrahim
 - Menghebahkan perkahwinan kepada masyarakat untuk mengelak fitnah.
- (iii) Maksud wali:
- Orang yang mempunyai kelayakan untuk menikahkan pengantin perempuan.
- (b) (i) Maksud hudud:
- Hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuknya dalam al-Quran dan as-Sunnah.
- (ii) **Dua** kesalahan dibawah hukuman hudud :
- Mencuri
 - Minum arak
 - Qazaf
 - Zina
 - Merompak
- (iii) **Dua** hikmah melaksanakan hukuman jenayah dalam Islam:
- Menegakkan keadilan dalam kalangan manusia agar dapat hidup dengan sejahtera.

- Menjamin kedamaian, keselamatan dan kestabilan dalam masyarakat dan negara.
- Mendidik dan menghukum sebarang kesalahan dan maksiat yang dilakukan supaya mendapat keampunan daripada Allah SWT.

(c) Pendapat :

Cadangan jawapan :

- Hukuman jenayah Islam ditetapkan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan as-Sunnah.
- Allah lebih mengetahui tahap kesedaran dan keinsafan dalam diri hambanya.
- Hukuman yang ditetapkan bersesuaian dengan jenayah dan kesalahan yang dilakukan.
- Hukuman jenayah Islam lebih adil dan universal untuk dilaksanakan.

4 (a) (i) **Dua** sumbangan Sultan Muhammad al-Fateh:

- Membuka konstantinopel
- Menyatukan empayar diutara Balkan bagi mengelakkan serangan Hungary.
- Mewaqafkan Aya Sophia sebagai masjid dan membina kompleks al-Fateh.

(ii) **Dua** pencapaian kerajaan Uthmaniah dalam bidang pendidikan:

- Menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu.
- Menaik taraf dan membina institusi masjid seperti masjid Kasbah.

(ii) **Dua** iktibar daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniah:

- Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa supaya urusan pentadbiran berjalan lancar.
- Kita hendaklah sentiasa memperbanyak penerokaan ilmu agar mampu bersaing diperingkat antarabangsa.
- Kita hendaklah sentiasa menghayati semangat cintakan tanah air agar rela berkorban mempertahankan negara daripada musuh.

(b) (i) Hassan al-Banna :

- Nama penuh Hassan bin Ahmad bin Abdul Rahman Muhammad al-Banna
- Lahir pada 25 Syaaban 1323 Hijrah bersamaan 14 oktober 1906
- Meninggal dunia pada 1368 Hijrah bersamaan 12 Februari 1949
- Pengasas dan mursyidul am Ikhwanul Muslimin

(ii) **Dua** sumbangan Hassan al-Banna :

- Mengasaskan Ikhwanul Muslimin
- Menyusun dan menulis al-Mathurat

(iii) **Dua** iktibar daripada tokoh-tokoh Islam:

- Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu.
- Kita hendaklah bersikap cekal menyebarkan dakwah Islamiah agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar.
- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

5 (a) (i) Maksud istiqamah:

- Ketaatan yang berterusan dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya.

(ii) **Dua** cara memiliki sifat istiqamah:

- Sentiasa mujahadah melawan hawa nafsu agar berterusan mengamalkan sifat mahmudah.
- Sentiasa membaca dan mengambil iktibar daripada kisah para rasul yang istiqamah melakukan kebaikan.
- Sentiasa mempelajari ilmu dengan istiqamah supaya menjadi amalan dalam kehidupan.

(iii) **Dua** hikmah beristiqamah dalam kehidupan :

- Melahirkan individu yang berakhlak mulia dengan melakukan kebaikan yang berterusan.
- Membentuk peribadi yang berpendirian teguh.
- Mendidik diri untuk sentiasa sabar dan tidak berputus asa untuk berjaya.

(b) (i) Contoh sifat :

(a) Riak : Melaksanakan ibadah dihadapan orang ramai.

(b) Ujub: Merasakan diri lebih hebat dan baik berbanding orang lain.

(ii) **Dua** hikmah meninggalkan sifat mazmumah :

- Membentuk akhlak mulia kerana menghindarkan diri daripada segala larangan Allah.
- Mendapat ketenangan hidup kerana menjaga hubungan sesama manusia.
- Memartabatkan imej Islam sebagai contoh terbaik dalam membangunkan modal insan.

(c) Cara mengelakkan diri daripada bersifat hasad:

- Sentiasa bersyukur dengan segala yang dimiliki.
- Mengawal diri dari suka kepada kemewahan, pangkat dan kecantikan yang berlebihan.
- Sentiasa berzikir kepada Allah SWT untuk menyucikan jiwa seperti beristighfar dan bertasbih.